

Siri 6 Wacana Ilmiah Bersama
YAB Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo
Dato' Menteri Besar Selangor

PEMBANGUNAN DI MALAYSIA Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna

Wan Mohd Nor Wan Daud



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

KOLEKSI NEGARA

16 APR 2003

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

305543

**PEMBANGUNAN DI MALAYSIA:
KE ARAH SATU KEFAHAMAN BARU YANG
LEBIH SEMPURNA**

PROF. DR. WAN MOHD. NOR WAN DAUD

B.Sc., M.Sc.(N.I.U.); Ph.D. (University of Chicago)

Profesor

Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC)



**INSTITUT PERKEMBANGAN MINDA
(INMIND)**

PETALING JAYA

2002

Cetakan pertama 2002

© Institut Perkembangan Minda (INMIND)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Tajuk: ***PEMBANGUNAN DI MALAYSIA: KE ARAH SATU KEFAHAMAN BARU
YANG LEBIH SEMPURNA***

ISBN 983 - 9184 - 63 - 6

Wan Mohd. Nor Wan Daud

Muka taip teks:

Times New Roman 12/14

Sidang Penyunting:

Dr. Muhammad Zainiy Uthman

Ahmad Syahir Sarani

Mohd. Nizam Shaari

Diterbitkan oleh:

Institut Perkembangan Minda (INMIND)

Aras 15, Menara Yayasan Selangor

No. 18A, Jalan Perstaran Barat off Jalan Timur

46000 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7957 4036 / 7957 2240

Faks: 03-7956 2836 / 7957 4032

Laman web: <http://www.inmind.com.my/>

E-mail: penerbitan@inmind.com.my

Dicetak oleh:

SMART Print & Stationer Sdn Bhd (300650-V)

SH-8 & 15, Jalan Cengal Selatan,

Taman Setapak, Gombak,

53000 Kuala Lumpur

Tel: 03 4024 5989 / 4024 3706 / 4023 6945

Fax: 03 40243708

E-mail: smatprin@tm.net.my



سكاڤور سيريه

**YAB DATO' SERI DR.
MOHAMAD KHIR BIN TOYO**
Dato' Menteri Besar Selangor
merangkap
Pengerusi INMIND



Kita berada pada alaf yang mengutamakan maklumat dan ilmu. Masyarakat yang mempunyai tradisi keilmuan yang longgar akan menghadapi cabaran yang besar untuk bersaing dalam dunia global dan langit terbuka ini. Justeru, usaha peneguhan tradisi keilmuan mesti sentiasa dimarakkan.

Peneguhan tradisi keilmuan di kalangan masyarakat wajar menjadi agenda utama kerana ia akan menentukan keupayaan negara bangkit sebagai pesaing global. Puncak kejayaan usaha peneguhan ilmu ini akan terlaksana apabila seluruh warga masyarakat menerima tradisi keilmuan sebagai sebahagian daripada jati diri – *as a way of life*.

Tidak ada jalan singkat untuk melahirkan masyarakat berteraskan keilmuan (*knowledge-based society*) melainkan perlu memberikan keutamaan membina masyarakat yang gemar membaca, menilai, menghayati dan memahami konsep ilmu secara menyeluruh. Budaya hebat *iqra'* yang ditekankan dalam al-Quran membayangkan betapa Islam itu begitu mementingkan konsep dan pengamalan ilmu.

Pertemuan secara konsisten antara umara' dan ulama wajar diteruskan. Ia akan menjadikan usaha ingat-mengingati lebih telus dan murni. Hubungan baik dan kerjasama langsung antara dua institusi penting ini mesti diperhebatkan. Wacana Ilmiah mengajar kita untuk melihat sesuatu isu secara lebih saintifik dan terbuka. Hanya dengan kesediaan menerima realiti dan kebenaran, kita mampu menolak sebarang kejumudan dalam pemikiran masyarakat.

Masyarakat madani adalah masyarakat yang sempurna. Sebuah masyarakat yang bukan sahaja mempunyai kecemerlangan ilmu, tetapi juga mempunyai keteguhan jati diti dan keluhuran budi pekerti. Masyarakat madani mempunyai segala ciri yang memungkinkan kelestarian tamadun berlaku secara dinamis dan pragmatis. Sewajarnya, masyarakat madani menjadi idaman semua pihak.

Permulaan kepada aspirasi besar masyarakat madani adalah peneguhan jati diri dan tradisi keilmuan yang luhur. Di samping itu, usaha-usaha pembinaan insan juga tidak boleh diketepikan. Segala usaha ini mesti dijalankan serentak bagi mencapai pembangunan yang seimbang, berkekalan dan berpandukan kebenaran (*balanced, sustainable and guided development*). Peranan utama Wacana Ilmiah ini adalah sebagai wadah untuk mendekatkan kelompok pemimpin, pentadbir dan masyarakat umum dengan tradisi keilmuan. Semoga segala yang dicitakan akan menjadi kenyataan, *Insyaa-Allah*.

Sekian. Terima kasih dan wassalam.



DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR, TINGKAT 21, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40502 SHAH ALAM, SELANGOR. TEL. 03-554 1119 FAKS. 03-559 0032



سأولس قينغ



**Y. BHG. DATO' DR. ZAMBRY
ABD. KADIR
Ketua Eksekutif INMIND**

Masyarakat madani terbina dengan penghayatan ilmu yang kukuh di kalangan masyarakat. Keadaan masyarakatnya memberi sanjungan kepada usaha keilmuan dan keserjanaan.

Budaya penghayatan ilmu inilah yang cuba disemai melalui penerbitan monograf ini. Ia merupakan koleksi hasil kerja akademik yang disediakan oleh para intelektual dalam bidang masing-masing. Kertas kerja ini pernah dibentangkan sewaktu siri Wacana Ilmiah INMIND yang diadakan dari semasa ke semasa. Idea mencetak kertas kerja ini timbul bagi memberi ruang dan peluang kepada masyarakat umum menilai sendiri fakta yang dibentangkan. Ini bagi membolehkan segala idea dan maklumat ini dikongsi bersama dengan kelompok masyarakat yang lebih luas. Dengan sendirinya, masyarakat akan terdidik dengan tradisi keilmuan dan adab berbeza pendapat (*adab al-ikhtilaf*) yang luhur.

Kita berada pada alaf yang paling kritikal bagi menentukan survival bangsa, negara dan tamadun. Arus globalisasi bukan sahaja merupakan cabaran yang berbentuk ekonomi semata-mata, sebaliknya turut mencakupi bidang politik, budaya dan keilmuan. Semua ini akan hanya mampu dihadapi dengan keteguhan ilmu dan jati diri. Inilah peranan kecil yang cuba dilaksanakan oleh INMIND.

Tidak ada tamadun yang berjaya tanpa tradisi keilmuan yang kukuh dan padu. Justeru, tradisi ini mesti sentiasa dipupuk dalam masyarakat. Agenda melahirkan sebuah masyarakat yang berpengetahuan atau *k-society* adalah peranan bersama yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak. Teras keilmuan ini tidak boleh dikompromi bagi membangun insan dan umat. Seajar dengan itu, INMIND amat berbangga dengan keprihatinan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo yang serius dengan wacana keilmuan. Wacana ini lahir daripada idea beliau sendiri.

INMIND berbesar hati untuk menerbitkan siri monograf ini. Semoga pengisiannya dapat memberikan input bermakna kepada masyarakat. Apatah lagi dengan aspirasi besar Kerajaan Negeri Selangor untuk memartabatkan pembinaan insan. Salah satu komponen penting dalam aspirasi murni ini adalah pembangunan intelektual. Siri monograf INMIND akan membicarakan pelbagai isu yang penting untuk pembinaan minda individu bagi merealisasikan sebuah masyarakat yang *par excellence*: masyarakat madani.

Sekian, wassalam.



DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR

PEMBANGUNAN DI MALAYSIA: KE ARAH SATU KEFAHAMAN BARU YANG LEBIH SEMPURNA¹

Oleh
PROF. DR. WAN MOHD. NOR WAN DAUD

Pendahuluan

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih atas kesudian Dato' Dr. Zambry, Ketua Eksekutif INMIND menjemput saya menyampaikan ucapan berdasarkan buku terbaharu saya setebal 172 muka surat, dengan tajuk yang sama, yang telah diedarkan kepada semua peserta. Justeru itu saya tidak membawa kertas kerja baru. Lebih penting lagi, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas kesudian YAB Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo kerana memayungi dan menghadiri setiap wacana dalam siri wacana INMIND ini dan atas kesudian beliau menjadi tuan rumah pada malam ini.

Sikap YAB yang sentiasa berbincang dengan ulama dan cendekiawan amat baik sekali, walaupun kita yang hadir pada malam ini bukanlah terdiri dalam para ulama dan cendekiawan besar. Saya teringat akan syair Sheikh

1. Tulisan ini telah diucapkan secara lisan dalam *Wacana Ilmiah INMIND Kali Keenam Bersama YAB Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Dato' Menteri Besar Selangor* anjuran Institut Perkembangan Minda (INMIND) bertempat di Kediaman Rasmi Menteri Besar, Shah Alam pada 25 Oktober 2002. Buku beliau dengan tajuk yang sama telah diterbitkan oleh International Institut of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam tahun 2001. Buku tersebut telah diedar kepada semua peserta Wacana Ilmiah INMIND.

Sadi dalam Gulistan pada akhir abad ke-13 Masehi yang menceritakan mimpi seorang ulama sufi. Beliau bermimpi bertemu dua tokoh: seorang tokoh politik yang berada dalam Syurga, dan seorang tokoh ulama dalam Neraka dan bertanyakan kenapa mereka berada di tempat tersebut? Tokoh politik itu menjawab: ketika aku hidup dan berkuasa dahulu, aku sentiasa berjumpa dan berbincang dengan para ulama dan cendekiawan yang membolehkan aku membuat dasar-dasar yang memberi kebaikan bagi rakyatku. Tokoh ulama kemudian pula menjawab: ketika aku hidup dahulu aku sentiasa mendampingi para penguasa tetapi tidak memberikan nasihat yang betul yang membolehkan beliau melakukan kebaikan.

Saya juga teringat akan pandangan Sheikh Jalaludin Rumi dalam kitab Mathnawinya yang agung bahawa apabila Saidina Ali bin Abi Talib menghendakan kuasa, beliau bukan gilakan kuasa kerana matlamat duniawi, tetapi mahu menunjukkan bagaimana kuasa itu harus dipergunakan. Dalam kata-kata orang-orang moden, Saidina Ali mahukan kuasa untuk membawa pembangunan sebenar!

Pada malam ini saya hanya mahu menyentuh beberapa perkara daripada buku saya itu. Pertama saya mahu tekankan bahawa kesilapan menggunakan istilah-istilah penting menggambarkan salah faham terhadap makna yang ingin ditayangkan oleh istilah-istilah tersebut. Keadaan ini kemudiannya menimbulkan kesilapan dalam tindakan dan dasar, baik di peringkat peribadi, masyarakat atau negara.

Dua konsep dan istilah yang begitu berpengaruh dalam kehidupan kita hari ini ialah konsep dan istilah *sekular* dan *pembangunan*. Istilah *sekular* dari makna bahasa Latinnya itu merujuk kepada *perkara-perkara yang berkaitan dengan dunia* yang fana ini. Perkara ini telah dibincang dengan baik oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam sebuah bukunya yang terkenal, *Islam and Secularism*, terbitan ABIM, 1978.

Itu memang benar. Tetapi yang tidak benar ialah anggapan yang menyalahkan kehidupan yang mengkaji, mentadbir dan menggunakan perkara-perkara di dunia itu sebagai kehidupan yang sekular dan menyalahi agama. Malah kadang-kadang terdapat berita bahawa sesetengah orang mengatakan bahawa ilmu sains dan ilmu-ilmu lain yang berada di luar bidang agama khusus adalah ilmu atau bidang sekular dan tidak harus ditekuni oleh umat Islam. Dari satu segi mereka tidak salah: yakni ilmu-ilmu itu memang sekular dari segi kandungannya, mauduknya. Tetapi kandungan ilmu-ilmu ini mempunyai dua aspek: satu aspek benda dan dua aspek nilai dan filsafat. Mereka amat salah jika mengatakan bahawa umat Islam tidak harus menekuni ilmu-ilmu ini kerana ianya berada di luar bidang agama, ataupun kerana nilai-nilai dan filsafatnya bersalahan dengan agama. Kita harus menekuni semua ilmu-ilmu berkaitan dengan dunia ini menerusi nilai dan filsafat kita sendiri.

Padahal faham Islam yang sebenar, mengkaji hal-hal dunia bukan sekular sebab dunia ini adalah jelmaan daripada tindak-tanduk ataupun Sunnah Allah SWT. Malah alam tabii dan segala yang terdapat di dalamnya adalah ayat-ayat Allah SWT yang diperintahkan-Nya untuk dikaji. *So to study this world is not secular in the negative sense.* Apa yang salah ialah menganggap bahawa dunia ini dan kehidupan di dalamnya tidak mempunyai hakikat dan makna rohaniah.

Mata pelajaran sebagai contohnya IT, sains, biologi, perubatan dan pergigian, itu bukan sekular. Yang menjadikannya sekular adalah filsafat yang mendasarinya itu. Bukan mauduk itu sendiri tetapi nilai, filsafat dan aplikasi bidang-bidang tersebut. *So the study of the subjects are not negatively secular in Islam but what may be negatively secular are the philosophical assumption and application of the subjects.*

Penguasaan ilmu-ilmu mengenai dunia ini sebenarnya berkait rapat dengan tugas kita di muka bumi ini sebagai Khalifah Allah di bumi. Jadi kalau kita

dijadikan sebagai khalifah di muka bumi ini; *how can you be a khalifah if you do not know how it (world) functions? What it contains, and how to manage it properly?* Jadi memahami hal-hal sebegini adalah syarat-syarat menjadi khalifah. Bukan memahami sekadar aqidah, akhlak dan hukum-hakam sahaja walaupun semuanya ini merupakan perkara-perkara asas bagi menjayakan tugas kita sebagai khalifah dan sebagai hamba Allah SWT.

Banyak masalah kita, walaupun jelmaannya terzahir di medan praktis dan masyarakat tetapi asal-usulnya berlaku dalam akal, dalam jiwa diri seseorang. Bila berlaku salah-faham (teoretikal) maka biasanya akan terjadilah salah-laku (praktikal). Setiap salah-faham akan menimbulkan salah-laku walaupun tidak semestinya setiap salah-laku itu datangnya dari salah-faham. Ini kerana terdapat kesilapan praktis yang diakibatkan oleh kesilapan material atau teknikal.

Bila saya bercakap dengan beberapa ahli politik dan *entrepreneur*, malah orang akademik sekalipun, kebanyakan mereka mengatakan bahawa mereka mementingkan hal yang praktikal, kononnya perkara bukan praktikal berkaitan akal tidak begitu penting. Sikap sebegini, saya fikir amat bahaya sekali. Sebab perkara praktikal bermula dari akal. Contohnya dalam agama Islam: rukun Islam dan ibadat-ibadat lain tidak akan bermakna jika perkara dalam akal yang bersifat aqidah dan kefahaman tidak betul dan benar.

Jadi kita tidak boleh mengatakan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan nilai dan akal ini tidak penting. Contohnya jika kita hendak menyelesaikan masalah perbalahan, perebutan kuasa dalam parti, yang merupakan masalah praktikal, kita harus bermula dari menyelesaikan masalah minda ahli, masalah mengenai konsep kerjasama, bertolak-ansur dan sebagainya. Jika masalah berhubung dengan minda selesai, permasalahan dalam parti juga akan turut selesai.

Makna Pembangunan

Konsep dan istilah kedua yang amat berpengaruh ialah *pembangunan*. Apakah itu pembangunan? Dalam buku tulisan saya, saya mengkritik keras United Nations Development Programme (UNDP) berhubung dengan *Human Development Index* yang diutarakannya. Saya rasa ianya satu wadah baru untuk tamadun dan kebudayaan Barat mencengkam dunia ini dengan gagasan-gagasan baru yang hanya akan lebih mengukuhkan kedudukan ketamadunan dan kebudayaan mereka. Secara tidak langsung akan mengekalkan penguasaan mereka ke atas ekonomi dan geopolitik dunia.

Justeru itu mereka telah mengeluarkan kriteria-kriteria yang menegaskan bahawa merekalah yang sebenarnya membangun (*develop*) dan negara-negara lain terkebelakang (*backward, underdevelop*). Kriteria mereka bertolak dari satu sudut yang amat materialistik. Malangnya apabila cendekiawan Arab cuba mengutarakan kriteria-kriteria alternatif tentang Pembangunan Insan, percubaan tersebut tidak lari dari kerangka kebendaan yang digunakan oleh UNDP dan ditambah oleh kriteria politik. Kriteria alternatif ini ialah kadar kegunaan Internet, pencemaran alam dan kebebasan.

Dalam menentukan Indeks Pembangunan Insan (*Human Development Index*) sesuatu negara yang dibuat oleh UNDP, mereka meletakkan tiga perkara. Pertama, kadar kepanjangan umur (*longevity*). Kedua, kadar literasi dan pendidikan formal; berapa yang ramai yang pergi ke sekolah menengah, universiti dan sebagainya. Ketiga, Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita. Bagi semua kriteria ini, yang paling tinggi pencapaiannya adalah orang Barat dan ini meletakkan mereka; nilai, filsafat hidup, kaedah dan dasar pembangunan mereka sebagai yang paling baik di dunia dan harus diikuti oleh negara-negara lain yang ingin menyertai arus kemajuan dan pembangunan. Dengan kriteria-kriteria ini, *in terms*

of human development, the top 25 countries are Western Countries except Japan, Israel, Barbados and Hong Kong.

Kalau menurut pengukuran UNDP tersebut, pada tahun 1998, Malaysia berkedudukan tempat ke-60. Pada tahun 2002 ini kita di tangga ke-59. Di kalangan negara-negara Islam, kalau mengikut kajian tahun ini, kita di tempat keempat; di bawah Brunei, Bahrain Kuwait dan United Arab Emirates. *We are the fourth developed Muslim Nation in human development.*

Kita tidak harus mempertikaikan kemajuan mereka dalam bidang telekomunikasi, ekonomi, sains dan teknologi di mana kita harus cuba mempelajari daripada mereka. Kita juga boleh mempelajari beberapa perkara tentang sistem politik dan pengurusan alam sekitar, tetapi kemajuan dalam perkara-perkara tersebut tidak semestinya disamakan dengan Pembangunan Insan seutuhnya. Malah sebenarnya dalam kriteria-kriteria lain yang lebih menyangkan Pembangunan Insan yang bahagia, yang berakhlak dan beragama, kebanyakan negara-negara Barat tersebut tidak terletak di tempat yang tinggi. Sebab Pembangunan Insan bukan semestinya terlihat daripada tiga kriteria tersebut ataupun setelah ditambah oleh kriteria alternatif yang dikemukakan oleh sebilangan cendekiawan Arab itu.

Banyak dari negara-negara Barat yang tinggi Indeks Pembangunan Insannya menunjukkan kadar kesengsaraan peribadi dan keleraian ikatan sosial yang tinggi seperti misalnya kadar bunuh diri, kadar penceraian, kadar jenayah, kadar penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan kimia yang lain. Jika kriteria-kriteria ini diambil kira dalam mengolah Indeks Pembangunan Insan, besar kemungkinan ianya boleh mengubah kefahaman Pembangunan Insan yang sebenar.

Perkara lain yang harus dibincangkan dalam buku saya yang tersebut itu ialah berhubung dengan istilah dalam menghuraikan pembangunan. Dalam bahasa Arab dan bahasa-bahasa Islam lain seperti Turki dan Farsi, terdapat pelbagai istilah yang menunjukkan bahawa kita hanya memilih istilah yang menyerap daripada konsep Barat bagi menayangkan makna pembangunan mereka.

Dalam bahasa Arab ada perkataan '*tanmiyah*' - *which means 'growth', physical growth*. Dalam bahasa Melayu bermakna pertumbuhan. Ataupun istilah '*taqaddum*' - '*progress, to go forward*', maju ke hadapan bagi menggambarkan konsep '*development*', pembangunan. Ataupun penggunaan istilah '*taghayyur*' - '*change*', perubahan.

Istilah-istilah ini menggambarkan beberapa ciri pembangunan, tetapi tidak melambangkan keseluruhannya makna pembangunan yang sempurna dan sebenar, kerana, ada perkara-perkara yang tidak patut tumbuh atau bertambah lagi, atau tidak patut pergi ke depan, atau tidak patut berubah lagi. Kadang-kadang harus tidak tumbuh atau bertambah contohnya saiz tubuh badan, keluarga dan *population* apabila saiz tersebut telah mencapai kadar yang optimum, yang terbaik. Pertumbuhan dan penambahan saiz tubuh badan, keluarga dan penduduk yang melebihi kadar terbaik bukanlah merupakan satu pembangunan malah satu keadaan yang boleh menyusahkan.

Bagi umat Islam, perkara-perkara yang berkait dengan aqidah, syariah dan akhlak tidak patut berubah. Jika perubahan berlaku, ianya bukan satu pembangunan tapi kemerosotan, penyelewengan, kemungkaran. Maju ke depan juga tidak semestinya menandakan pembangunan. Kadang-kadang undur ke belakang pun boleh menjadi satu syarat pembangunan. Muhammad Iqbal pernah menulis, "*untuk maju ke depan kita harus lihat ke belakang.*" Meninjau ke belakang kepada Sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat serta mengkaji sejarah bangsa sendiri

dan sejarah umat lain sesungguhnya amat penting dalam mencapai pembangunan sebenar.

Sejarah seperti tamadun Islam amat penting dan membantu kita. Tetapi dalam konteks sekarang, *'going back' is underdevelopment, not progressive*. Dalam bahasa Melayu kita menggunakan istilah 'pembangunan' bagi melambangkan *'true development'*? Sebab 'pembangunan' akarnya ialah 'bangunan' ataupun 'bangun'.

Kalau akarnya 'bangunan' maka orang akan mengatakan *'true development'* hanya buat bangunan sahaja. Buat jalan raya, buat sekolah dan sebagainya. Ini penting dalam memahami tujuan pembangunan yang sebenar. Tempat-tempat yang tidak mempunyai banyak bangunan, kilang dan sebagainya seperti kawasan kampung dianggap tidak membangun, walaupun kadang-kadang kawasan-kawasan tersebut lebih aman, nyaman dan membahagiakan.

Kalau kita andaikan istilah 'pembangunan' diambil daripada akar kata 'bangun', *'to rise'* dan kita bersetuju bahawa lawan kepada pembangunan ialah kemunduran, yakni sesuatu keadaan yang negatif, tetapi lawan bagi perkataan 'bangun', yakni 'duduk' tidak semesti begitu. Malah lawan bagi 'bangun', yakni 'duduk' adalah bersifat positif, *'to settle down'*, *'to rest'*. 'Penduduk' adalah orang yang membawa pembangunan sebab mereka menebas hutan dan meneroka. Merekalah membangunkan sesuatu kawasan.

'Kedudukan', *reflects an achieved status in society*; yakni satu bentuk pencapaian yang positif. Satu segi penggunaan perkataan 'duduk' yang memberi gambaran negatif iaitu 'bersekedudukan' iaitu hidup bersama-sama laki-laki dan perempuan yang tidak muhrim tanpa ikatan perkahwinan. Jadi apakah istilah paling baik yang harus kita gunakan bagi melambangkan konsep pembangunan sebenar?

Seperti yang telah dibincangkan, 'pembangunan' harus menghasilkan kebaikan, keharmonian dan kebahagiaan duniawi dan ukhrawi. Sama ada kita tumbuh dan bertambah atau tidak; sama ada kita undur ke belakang atau maju ke hadapan; sama ada kita berubah atau tidak berubah, semua ini merupakan pembangunan sebenar jika ianya membuahkan kejayaan, kebahagiaan, keadilan dan keharmonian. Bukan sahaja di dunia, malah lebih-lebih lagi di akhirat. *That will be the true development.*

Dalam al-Quran al-Karim terdapat satu istilah kunci yang membawa makna pembangunan yang sebenar yang meliputi semua aspek, yakni *islah*. Istilah ini dapat diMelayukan sebagai *peng-islah-an*, *pengislahan*. *Islah* dalam bahasa Arab merujuk kepada apa juga perbuatan yang baik, sesuai, harmoni dan adil. Semua nabi dan rasul disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran melakukan islah, pengislahan. Islah ini pula berkait dengan amal soleh. Amal soleh pula berkait dengan iman.

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ² Ini bermakna pembangunan sebenar, yakni pengislahan mungkin hanya boleh dilakukan oleh mereka yang sebenarnya beriman. Saya tidak setuju bahawa istilah islah dan pengislahan diterjemahkan sebagai reformasi kerana istilah reformasi yang datang dari bahasa Inggeris tidak menunjukkan hubungan yang jelas dengan kebaikan, keadilan dan keharmonian, apatah lagi dengan agama, amal soleh dan iman.

Satu perkara penting dalam pemahaman kita tentang pengislahan ialah memahami lawannya. Dalam ayat-ayat al-Quran, lawan kepada islah ialah *fasad*. Dan dalam kitab suci kita, mereka yang melakukan fasad yakni kerosakan dan kemusnahan seringkali menganggap dan mengakui melakukan pengislahan. Dalam bahasa Inggeris terdapat satu istilah yang

2. Al-Quran, Surah al-Bayyinah: 7.

mempunyai makna yang hampir sama, yakni *corruption*, atau diMelayukan sebagai korupsi. Istilah ini berasal daripada perkataan Latin yang bermakna 'sesuatu yang rosak, pecah dan tidak baik tetapi menzahirkan sebagai baik'. *Corruption is something that is evil but projected itself to be good*. Adakah ini yang kita mahukan?

Kenapa saya tekankan perkara ini? Kerana penggunaan istilah boleh menimbulkan kekeliruan. Kita tidak mahu orang mengatakan sebagai contohnya pembangunan di Malaysia ini hanya menumpukan pembinaan bangunan dan pertumbuhan serta melakukan perubahan tanpa henti. Pembangunan kita, yakni pengislahan kita bertitik tolak dari agama, aqidah, syariah dan akhlak kita, yakni dari acuan kita sendiri.

Kita akan membina bangunan, jalan raya dan semua yang kita perlukan tetapi kita akan berhenti membina jika ianya boleh menimbulkan kerosakan kepada manusia dan persekitaran. Kita akan terus maju, tetapi kita sentiasa melihat ke belakang, kepada pengalaman silam dari sejarah agama kita dan sejarah manusia amnya bagi mencari kebijaksanaan, panduan dan pengalaman. Kita akan merubah apa yang perlu diubah, tetapi kita tidak akan merubah dasar-dasar dan nilai-nilai penting agama, akhlak dan syariah atau perkara-perkara lain yang telah disepakati sekian lama di antara kita.

Hak Bumiputra

Sesetengah daripada cendekiawan dan ahli politik pernah menghujahkan hak-hak tertentu Bumiputra khasnya orang Melayu berdasarkan kepada isu bahawa orang Melayu datang ke Semenanjung ini lebih awal dari bangsa-bangsa lain seperti bangsa Cina dan India. Hujah ini tidak berasas sama sekali kerana tentunya kaum Bumiputra lain di Semenanjung ini seperti pelbagai puak orang-orang asli datang lebih awal. Terdapat juga

segolongan yang mendasarkan hak-hak tersebut kepada ketuanan Melayu di bangsa Melayu pernah berkuasa di seluruh Semenanjung ini khasnya yang berpusat di Melaka ketika zaman kegemilangan Kesultanan Melayu di abad ke-14 dan awal 15 Masehi.

Istilah Melayu yang digunakan masa kini lebih umum sifatnya, tidak sama dengan yang dimaksudkan sebelum Merdeka di mana terdapat penekanan khusus di antara Melayu, Jawa, Banjar, Bugis, Minang dan sebagainya. Bangsa Melayu kini merangkumi semua keturunan-keturunan ini asalkan mereka beragama Islam, berbahasa dan beradat-resam Melayu. Hujah ketuanan tersebut juga tidak begitu kukuh kerana kuasa Melayu seperti yang pernah terdapat di Melaka itu boleh hancur. Bagi mereka yang kehilangan kuasa, apakah hak-hak yang harus dikekalkan bagi anak cucu mereka?

Ada juga yang mengatakan bahawa hak-hak tertentu Bumiputra khasnya Melayu harus dipertahankan kerana kaum Bumiputra seluruhnya merupakan golongan yang miskin berbanding kaum-kaum yang lain terutamanya kaum Cina. Memang semua orang miskin mempunyai hak-hak masing-masing, tetapi hak-hak tersebut tidak harus dikekalkan khasnya bagi mereka yang tidak miskin lagi.

Maka itu saya mengutarakan apa yang disebut sebagai justifikasi sejarah dan moral akan 'hak istimewa orang Bumiputra khasnya Melayu' yang tidak boleh disangkal lagi dan harus dipertahankan. Hujah yang akan saya kemukakan bersifat *self-evidence*. Jika hujah-hujah ini tidak difahami oleh orang-orang Melayu khasnya dan seluruh rakyat Malaysia, selagi itulah akan timbulnya rasa iri-hati dan cemburu yang tidak berasas. Dan apabila berlakunya perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, isu hak-hak Bumiputra ini akan diperjudikan.

Pertama sekali, peranan orang Melayu adalah memberi identiti kepada kawasan ini – *'the role of identity giving'*. Sebab orang Melayulah maka tempat ini dipanggil 'Kepulauan Melayu', 'Tanah Melayu' atau kemudiannya 'Malaysia'. Tanpa peranan ini kita tidak ada identiti. *A nation without an identity, is not a nation. A person without a nation is lost.* Sebab itu kita ada pasport, surat beranak dan kad pengenalan.

Kedua, orang Melayu yang beragama Islamlah, bukan sahaja telah memberikan identiti tetapi membawa tamadun antarabangsa ke rantau ini. Orang asli yang asal, walaupun mereka mempunyai keunikan dan kelebihan tersendiri, namun *they did not create a civilization of international nature*, sebuah tamadun yang bertaraf antarabangsa yang menyatukan antara orang Minang, Jawa, Banjar, Bugis, Kelantan, Johor dan sebagainya dengan satu bahasa (Melayu) dengan satu agama (Islam). Di peringkat antarabangsa, tamadun ini menghubungkan kepulauan ini dengan India, Turki, China dan Afrika melalui Islam dan sebagainya.

Ketiganya, setiap darah yang tumpah; di laut, di sungai, di pasir dan di bukit, demi mempertahankan rantau ini daripada orang Siam, orang Portugis, komunis, British dan Jepun, kebanyakannya adalah darah orang Melayu dan Islam – *to protect and preserve factor*. Bukan orang lain.

Seterusnya, bila British membawa orang India dan Cina datang ke sini, para nasionalis Melayu hanya menentang British, mereka tidak mengganggu gugat orang Cina dan India. Malah mereka menjadi tuan rumah (*host*) yang mesra. Mereka menjadi pelanggan (*customer*) kepada penjual-penjual Cina dan India dan menjadi jiran-tetangga yang baik. Kalau orang Melayu Muslim tidak memerintah yang baik, dan tidak menjadi pelanggan yang baik maka orang-orang Cina dan India tidak boleh menjadi peniaga yang berjaya sebab majoriti pelanggan adalah orang Melayu.

Ini adalah dari sudut moral, kalau orang Melayu tidak bermoral sebagai pentadbir-pelanggan dan jiran-tetangga, orang Cina dan India tidak boleh berjaya kerana orang Melayu akan memeras, mengganggu, merompak dan sebagainya.

Seterusnya, nasionalis Melayu tidak mengikis hak-hak tabi'i bangsa lain seperti agama, bahasa dan kebudayaan mereka. Jarang-jarang sekali kita dengar atau kita baca berita tentang sekolah, rumah, kuil atau perniagaan orang-orang Cina atau India diceroboh semata-mata kerana perbezaan bangsa dan agama mereka. Jarang-jarang sekali kita terdengar orang-orang Cina atau India baik lelaki mahupun perempuan dibelasah atau perkosa semata-mata kerana perbezaan kaum atau agama. Jika berlakunya jenayah, perlakuan tersebut bukan didorong oleh sikap yang membencikan sesuatu kaum atau agama tetapi sifat jahat yang asli.

Selepas memberikan pelbagai sumbangan sejarah dan moral di atas, orang-orang Melayu, walaupun mereka memegang kuasa politik, masih merupakan satu bangsa yang terkebelakang berbanding dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia ini. *So these are the historical and moral justifications for the special privileges of the Malays.* Bukan kerana kita datang awal, kita tiada harta atau miskin, bukan kerana kita berkuasa sahaja tetapi kerana apa yang telah kita lakukan kepada rantau ini selama ini, *historically and morally.*

Aspek Nilai, Kecemerlangan dan Agama

Untuk sebenarnya membangun atau mengislahkan bangsa dan negara, kita harus menanam nilai-nilai yang menghormati kecemerlangan ilmiah. Di sinilah bertapaknya budaya ilmu dan K-ekonomi. Kadang-kadang kita melihat satu *contradiction* di antara saranan-nilai dan amalan-nilai. Bila kita sebagai contohnya menekankan kepada para pelajar kita untuk

belajar dan cemerlang (*excellent*) dalam pendidikan, tetapi apakah dari segi amalannya, kita mengiktiraf mereka yang cemerlang ini sewajarnya sebagai satu budaya yang dipentingkan? Dari peringkat rendah, menengah, universiti hinggalah ke peringkat tinggi dalam masyarakat, kecemerlangan ilmiah anak-anak dan para pelajar kita pada pendapat saya tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya selain daripada mendapat biasiswa, liputan sehari dalam media, dan pekerjaan.

Kalau sekiranya kita menyarankan mereka untuk cemerlang (*excel*), tetapi masyarakat tidak mengiktiraf dengan betul dan berterusan mereka yang cemerlang dari segi ilmiannya, maka berlaku *dichotomy* dari segi saranan dan amalan. Ini melambangkan kekeliruan nilai dan pandangan hidup serta konsep pembangunan kita. Mereka akan berkata “*buat apa aku belajar siang dan malam, berbelanja ratusan malah ribuan ringgit, bila masyarakat tidak mengiktiraf aku*”. Masyarakat lebih mengiktiraf contohnya ahli-ahli sukan dan ahli-ahli seni tetapi *take for granted those students who are excellent in academic and moral behavior*. Masyarakat: dari media massa dan para pemimpin senantiasa menunjukkan hubungan rapat dengan mereka yang berkecimpung dalam bidang-bidang seni dan sukan, walaupun tidak cemerlang. Di samping itu kedua bidang tersebut masih belum menaikkan imej negara atau pendapatan negara, berbanding dengan sumbangan mereka yang cemerlang dalam bidang-bidang ilmiah dan profesional.

Ini harus kita fikirkan sebab teras pembangunan orang Islam dan rantau ini bertolak dari faktor kecemerlangan ilmiah yang amat sukar dibudayakan. Kita harus memotivasikan mereka untuk cemerlang (*excel*) dalam pendidikan. *If they excel, what do we do, after that point?* Dan mereka melihat perkara ini. Untuk mereka cemerlang sebagai contoh dalam bahasa Inggeris, dalam *creative thinking*, dalam hal-hal yang bersifat tinggi. Apakah kita mengguna bakat dan pencapaian mereka itu?

Di sini saya fikir kita perlu menggunakan tenaga *expert* yang ada. Kecemerlangan ilmiah dan budaya ilmu akan melahirkan masyarakat yang berfikir dan kritikal. Justeru itu kita harus bersedia dan bangga jika ramai rakyat kita yang cerdik dan dapat melihat kelemahan-kelemahan kita dan mencadangkan jalan dan cara memperbaikinya.

Perkara seterusnya ialah menggunakan ajaran agama dan akhlak dari khazanah pelbagai agama di Malaysia, berteraskan Islam sebagai agama rasmi. Kalau kita hendak membangunkan suatu masyarakat yang berakhlak mulia berteraskan agama, kita harus menekankan bahawa selain daripada kewajipan umat Islam memahami dan mengamalkan nilai dan syariat agamanya di peringkat tertinggi, penganut agama-agama lain juga harus digalakkan memahami dan mengamalkan agama mereka. Sebab kalau tidak, akan berlakulah *contradiction* yang membahayakan.

Bila orang Islam sebagai contoh tidak boleh menerima rasuah, tetapi orang bukan Melayu terus-menerus menerima dan memberi rasuah, bagaimana orang Islam boleh terus menerus *maintain* benteng akhlaknya bila kerap disogok dengan rasuah secara berterusan? Mungkin bagi sesetengah dari orang-orang bukan Islam, memberi rasuah adalah satu amalan biasa dalam budaya perniagaan, *part and parcel of business culture*. Tetapi dalam tradisi *Confucianism*, tradisi *Taoism* dan tradisi *Christianity*, memberi rasuah adalah salah. Sama ada kepada wanita, kanak-kanak atau orang beragama lain. Jadi bila kita menekankan pengamalan agama kepada penganut Islam, kita jangan abaikan penekanan kepada orang lain mengenai agama mereka. Kalau tidak akan berlaku ketidakseimbangan yang merosakkan diri. Perkara ini harus kita amati.

Cadangan saya ini bukan mengatakan bahawa semua agama itu sama. Agama Islam adalah benar, terbaik dan teragung. Tetapi agama-agama lain juga harus diminta fahami dan diamalkan oleh penganut masing-masing secara bijaksana dan sederhana. Sebab kalau kita biarkan penganut-

penganut agama lain meneruskan penghidupan yang sekular dan bersifat materialistik, maka ia akan membantu secara tidak sedar, menggagalkan pengajian dan pengamalan agama di peringkat orang-orang Islam. Sebab kita hidup dalam satu masyarakat yang tidak terpisah antara satu sama lain. Jumlah mereka yang bukan Islam dan terlibat dalam perniagaan ini terlalu ramai dan berpengaruh. Kalau mereka tidak memahami agama mereka dan mengamalkan dengan bijak dan sederhana, tujuan kita membina bangsa dan negara yang berakhlak tidak akan berjaya.

Model Pembangunan

Perkara seterusnya berhubung dengan soal model pembangunan atau pengislahan kita. Apakah model pembangunan negara yang kita ada? Apakah Amerika Syarikat, Arab Saudi, Pakistan, Jepun atau Korea? Model pengislahan negara harus bertitik tolak dari model individu. Daripada persoalan-persoalan ini, pada fikiran saya, konsepsi model yang difahami sekarang, bersifat semasa (*contemporary*) sahaja, sedangkan dalam ajaran al-Quran sendiri, bila Allah SWT mengatakan bahawa nabi Ibrahim a.s. dan mereka yang bersamanya adalah **أَمْثَلُ حَسَنَةٍ**,³ nabi Ibrahim telah meninggal dunia ribuan tahun dahulu, tetapi beliau masih menjadi model. Rasullullah SAW juga adalah *uswah* terbaik kepada kita sehingga akhir zaman. Jadi konsep model ini tidak semestinya bersifat kontemporari.

Dalam beberapa perkara penting sesuatu yang tidak kontemporari masih lagi relevan untuk dipelajari dan dimanfaatkan. Seperti mana karya sejarah militer, *The Art of War* oleh Sun Tzu yang kononnya dikarang 2,500 tahun dahulu, telah digunakan sebagai satu panduan strategi ketenteraan

3. Al-Quran, surah al-Mumtahinah: 4.

Kerajaan Soviet Union dahulu dan Kerajaan China pada awal kurun ke-20 Masehi. Sehingga hari ini, buku Sun Tzu itu melebarkan pengaruhnya ke dalam bidang-bidang pengurusan dan perniagaan. Apabila Amerika Syarikat mahu menjadi suatu kuasa besar di zaman Thomas Jefferson dan Benjamin Franklin di abad ke-18 Masehi, model mereka bukan sahaja negara German dan Perancis pada zaman itu, tetapi juga sistem pemikiran dan politik Yunani dan Romawi yang telah luput hampir seribu tahun terdahulu.

Jadi bila kita bercakap tentang model pembangunan negara, kita tidak harus membatasi kepada zaman ini sahaja tetapi kita harus lihat ke belakang, pada zaman-zaman lampau. Pendekatan ini digunakan oleh bangsa-bangsa yang maju.

Jadi kalau kita menggunakan konsep model yang tidak terbatas kepada zaman kontemporari, maka kita boleh membuka ruang-ruang untuk memanfaatkan khazanah silam yang jauh lebih agung. Justeru, dalam buku ini, saya mengkisah tentang Jeneral Tahir bin Husayn yang hidup di zaman kerajaan Abassiyah di mana empayar Islam paling dominan. Walaupun beliau berhadapan dengan suasana yang begitu praktikal sebagai seorang jeneral, namun beliau masih berjaya menunjukkan ciri-ciri akhlak dan kerohanian tinggi.

Kalau ahli sufi bercakap tentang rohani dan mengamalkannya, kita dapat memahaminya, dan menganggapnya sebagai satu kebiasaan. Tetapi kisah Jeneral Tahir bin Husayn ini yang sebenarnya bukan sedikit dalam sejarah Islam membuktikan bahawa kejayaan politik dan militari boleh berlaku tanpa membelakangkan nilai-nilai rohani dan akhlak. Jadi ini menampakkan bahawa, memang dapat diamalkan sesuatu yang kononnya tidak lagi dianggap praktikal.

Peranan Institusi Pengajian Tinggi

Satu lagi perkara yang ingin saya timbulkan ialah berkenaan pembinaan institusi pengajian tinggi di peringkat negeri dan negara. Ianya berperanan penting sebagai motor perubah minda dan sikap di peringkat tinggi. Dari segi perubahan masyarakat dan tamadun, tempat yang paling strategik untuk menyediakan manusia bagi tujuan tersebut ialah di IPT dan peringkat orang dewasa, bukan di Tadika, sekolah rendah ataupun menengah rendah. Saya menegaskan perkara ini kerana seberapa banyak dan bijak pun kita memberikan penumpuan pada peringkat rendah dan menengah, kalau orang itu sudah dewasa dan melanjutkan pelajarannya, dan tidak setuju dengan nilai-nilai yang ditanam di peringkat rendah tersebut, dia akan meneroka nilai tersendiri. Ini yang sedang berlaku dalam masyarakat sekarang.

Sebagai contohnya lihat *kindergarten* Islam sekarang ini, kita mengajar kanak-kanak pelbagai doa; doa masuk-keluar bilik air, doa makan dan sebagainya. Namun bila dia pulang ke rumah, ibu-bapanya tidak mengamalkan perkara itu. Maka secara automatik dia akan membatalkan (*cancel*) ajaran itu. Ataupun kita menanam nilai-nilai baik di sekolah menengah, tetapi nilai-nilai ini dipersoalkan dengan keras dari pelbagai sudut bila pelajar itu berada di peringkat pendidikan tinggi atau di peringkat dewasa.

Justeru, apabila Allah SWT menurunkan para anbia, mereka terdiri daripada kalangan orang yang terdidik dan pada umumnya orang dewasa. Apabila masyarakat dewasa sudah berubah ke arah kebaikan, secara automatik pengaruh ini akan turun ke bawah; ke peringkat remaja dan kanak-kanak, ke peringkat institusi dan keluarga. Jadi kalau kita mahu merangka strategi, tumpuan utama harus diberikan di peringkat atasan; peringkat universiti dan lepasan sekolah menengah, tidak di peringkat yang di bawah.

Semua penyanyi sebagai contohnya, adalah mereka yang lepasan sekolah menengah. Begitu juga pendidik, ahli politik, pengarang dan penulis ahkbar dan warga media massa, serta *entrepreneur*. Jadi di sinilah harus kita menfokuskan agenda 'pengislahan' kita itu dengan cara pendidikan di peringkat tinggi dan lepasan sarjana dan hasil baiknya akan terus ke peringkat bawah.

Pengukuhan IPT melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Kita lihat bagaimana penekanan kepada IPT di Amerika Syarikat sahaja. *Private university*, seperti Harvard yang mana mempunyai dana berjumlah 17.9 bilion dolar. Yale, mempunyai dana berjumlah 10.7 bilion dolar. Princeton mempunyai dana berjumlah 8.6 bilion dolar. Universiti Chicago mempunyai dana berjumlah 3.95 bilion dolar. Sebab dia tahu bahawa di sinilah tempat mereka memulakan reformasi; *with funding, with training and development of world reknown staff and capable students*.

Kita harus meningkat mutu IPT kita supaya kualiti ilmiah, akhlak dan profesionalisme tidak dikorban semata-mata kerana perkiraan ekonomi dan industri. Pemikiran kritis dan kreatif harus digalakkan di peringkat ini, jika tidak, kita akan melahirkan mesyarakat terpelajar yang dayus dan beku. Selalu dibangkitkan masalah akademik dan pemikiran para pelajar kita yang pergi ke Timur Tengah. Sebenarnya masalah tersebut bukan sahaja berlaku di IPT di sana tetapi di sini juga. Saya fikir Negeri Selangor Darul Ehsan mempunyai prasarana ekonomi dan kepimpinan yang sesuai bagi menjayakan agenda pengislahan negara berteraskan ilmu, akhlak dan agama: demi mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi.

Wal'Lahu a'lam bis sawab.

Terima kasih.

PERBINCANGAN

**Y. Bhg. Dato' Dr. Zambry Abd. Kadir (Pengerusi Wacana)
Ketua Eksekutif, Institut Perkembangan Minda (INMIND)**

Terima kasih Profesor Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud atas pembentangan beliau. Saya fikir profesor telah membentangkan beberapa perkara pokok tentang pembangunan. Beliau membangkitkan beberapa persoalan kepada kita tentang konsep pembangunan dan amalan-amalan yang berlaku di negara ini. Kemudiannya disentuh juga beberapa aspek tiruan yang berlaku dalam masyarakat khususnya dalam konteks peristilahan, iaitu istilah 'pembangunan' itu sendiri. Disentuh juga perkara berhubung hak-hak keistimewaan orang Melayu dan akhirnya dikaitkan dengan model-model pembangunan terkini yang dianggap pembangunan terbaik.

Saya lihat banyak perkara yang telah dibentangkan oleh Profesor Wan tentang aspek pembangunan menurut idea dan juga pemikiran beliau. Justeru, dalam kita mencipta model pembangunan, apakah kita melihat bahawa model pembangunan kita tidak sehaluan dengan Islam? Mungkin konsep *sustainable development* itu sendiri tidak memadai umpamanya. Ini perkara-perkara pokok yang boleh kita bincang bersama.

Saya percaya mungkin sesiapa yang membaca buku Profesor Wan, kalau tidak silap saya ada lontaran-lontaran idea yang baik iaitu mengakui Malaysia adalah antara negara terbaik yang melakukan banyak perkara tentang pembangunan serta menepati kehendak dan hakikat pembangunan itu sendiri. Ada disebutkan dalam Rancangan Malaysia Keenam umpamanya, definisi pembangunan

itu sebagai seimbang dan holistik. Untuk itu, saya buka kepada para hadirin untuk membincangkan topik ini selanjutnya.

Y. Bhg. Prof. Dr. Hashim Haji Musa
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM)

Saya fikir dari sudut data dan fakta imej umat Islam itu amat rendah. Saya sebutkan seperti 40 juta daripada umat Islam adalah miskin dan dua pertiga daripadanya adalah wanita.

Dari segi perbandingan ilmu pengetahuan, setahun zaman Andalus Islam dahulu, dari sudut penterjemahan, lebih banyak daripada tahun-tahun yang kebelakangan ini. Ini melibatkan ilmu pengetahuan dan pemikiran yang memberikan gambaran yang mendukacitakan.

Dari segi hakikatnya, pada dasar pembangunan itu, ini menampakkan kita tidak menggunakan sumber potensi manusia itu sendiri. Kita maju bukan kerana kita pandai tetapi untuk dapat membudaya dan menggunakan sumber potensi tersebut. Umat Islam begitu ramai dan kita mempunyai geopolitik yang luas, tetapi tidak digunakan. Nampaknya dari segi penjana sumber potensi rakyatnya, tidak digunakan. Dalam banyak segi, kita jauh keterbelakang.

Seperti konsep islah yang disebutkan oleh Profesor Wan tadi, memang benar. Saya fikir yang penting bagaimana kita hendak ubah pemikiran-pemikiran bukan sahaja dalam kehidupan kita malah keluarga, rakan-rakan kita dan umat Islam keseluruhannya.

Sebab saya rasa pembangunan atau 'pengislahan' umat kita ini tidak akan berlaku begitu sahaja. Perlu ada pembudayaan ilmu, teknologi dan pemikiran yang berterusan. Jadi kalau kita kembali kepada realiti semasa, keadaan umat Islam memburukkan imej mereka sendiri.

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Firdaus Abdullah
Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Universiti Malaya
(UM)

Pertama sekali terima kasih dan tahniah kepada INMIND kerana menganjurkan majlis pada malam ini dan menghadiahkan kita hasil perbincangan dua bulan yang lalu. Bagi saya, Profesor Wan dari satu segi telah membincangkan satu perkara yang agak makro sifatnya, terlalu besar, terlalu luas, dan disambung oleh Profesor Hashim dengan perkara-perkara yang mikro. Kalau boleh, barangkali untuk lebih praktikal, kita boleh tumpukan perhatian kita pada perkara-perkara yang lebih mikro. Perkara-perkara yang lebih mikro yang boleh kita tangani secara praktikal penyelesaiannya.

Saya mengambil satu contoh, tadi Profesor Wan ada menyebut tentang masalah identiti Melayu, masalah hak istimewa orang Melayu. Satu hal yang merunsingkan saya sejak empat - lima tahun ini iaitu berhubung dengan program televisyen. Saya nampak sangat program televisyen ini, kalau program Cina; semuanya memprojsikan keanggunan Cina, kepahlawanan Cina, keupayaan Cina sebagai *strategic thinkers*. Ramai penonton merasa seronok, dan kita sendiri seronok melihatnya.

Kalau program Melayu; iaitu berkenaan kekasih, pergaduhan-pergaduhan di antara ibu dengan ayah, pergaduhan di taman bunga di antara kekasih dengan kekasih. Saya rasa ini secara tidak langsung memberikan satu *self image* yang negatif terhadap orang Melayu. Projeksi kita ini tidak menunjukkan keupayaan orang Melayu dan tidak menjana identiti orang Melayu yang boleh dibanggakan. Bagaimana kita boleh mencari satu identiti Melayu yang boleh dibanggakan kalau sekiranya *self image* kita dibajai dengan perkara-perkara, sogokan-sogokan televisyen seperti yang saya katakan tadi?

Berhubung dengan suatu perkara lain yang saya ingin bangkitkan, dalam komentari tentang bajet baru-baru ini, saya cukup terpukau

dengan keupayaan Setiausaha Dewan Perniagaan Cina Malaysia yang bercakap dalam bahasa Melayu yang bersih, tanpa campuran. Keesokan harinya, saya nampak seorang lagi Cina menggunakan bahasa Melayu yang membanggakan kita. Tetapi kalau pemimpin-pemimpin kita, bagaimana penggunaan bahasa Melayu mereka yang bersih?

Saya timbulkan persoalan ini berhubung dengan mempersoalkan identiti Melayu. Sekiranya kita sendiri tidak dapat memprojeksikan suatu imej, suatu keanggunan bahasa Melayu dengan baik di peringkat masyarakat umum, apa akan berlaku pada masa hadapan? Pada masa yang sama pemimpin-pemimpin kita bercakap tentang soal *self image* yang bercampur aduk. Sebagai contoh seperti YB Menteri Kesihatan yang berbangsa Cina yang boleh bercakap bahasa Melayu dengan baik. Jadi saya ingat ini adalah perkara-perkara mikro yang boleh diatasi tanpa banyak masalah besar. Hanya perlu dipraktikkan sahaja.

Jadi ini satu cara sekiranya kerajaan ingin memujuk kembali orang Melayu yang mulai merasa seakan-akan bahasa Melayu dipinggirkan dengan usaha-usaha peningkatan penguasaan bahasa Inggeris sekarang. Ini dapat menangani hati orang Melayu sekarang bagi kerajaan memperlihatkan bahawa bahasa Melayu tidak diabaikan. Satu program yang boleh dibuat barangkali suatu kempen pemimpin-pemimpin Melayu menggunakan bahasa Melayu yang bersih dalam percakapan-percakapan formal.

Satu perkara lagi ialah merosotnya generasi muda sekarang berhujah tentang hak istimewa orang Melayu. Tadi, Profesor Wan menyebut hak istimewa orang Melayu ini harus dilihat dari segi moral dan spiritualnya; bukan sesuatu yang bererti kita merampas hak orang lain, tetapi ada alasan-alasan moral dan falsafahnya untuk membantu kita membenarkan hak istimewa orang Melayu. Tetapi masalahnya sekarang ialah keupayaan orang-orang muda kita berhujah mengenai perkara ini, saya rasa semakin merosot.

Jadi secara tidak langsung saya sampaikan juga kepada Dato' Dr. Zambry di INMIND dan juga di Akademi Pemuda, juga Dato' Salamon, untuk yang di Hulu Klang (Institut Budaya Baru Melayu) agar membentuk suatu modul yang bersesuaian. Saya rasa di antara modul-modul yang boleh dirangka dan digunakan sama ada di yang di Hulu Klang (Institut Budaya Baru Melayu), di INMIND, atau di Akademi Pemuda, ialah bagaimana melatih anak generasi muda Melayu tentang berhujah mengenai hak istimewa orang Melayu.

Kemerosotan keupayaan generasi muda Melayu untuk berhujah tentang hak istimewa orang Melayu ini pun ada sebabnya. Ini pendapat dan pandangan saya, mungkin ada pandangan lain yang berbeza; iaitu sejak 10 hingga 15 tahun lalu, kecenderungan kita menyalurkan hampir seluruhnya *the high achievers in our SPM* kepada aliran sains dan teknologi. Sehingga perkara-perkara yang ada kaitan dengan *social science* (sosial sains) diserahkan kepada *mediocre and lower achievers*.

Profesor Wan sendiri sebagai contohnya, bermula dalam bidang sains. Kalaulah Profesor Wan betul-betul dalam sains, saya tidak fikir beliau akan seagung seperti sekarang. Tetapi kemudiannya, di pertengahan jalan beliau telah berpindah kepada *social science*. Kini beliau menjadi seorang pemikir yang ulung. Saya percaya Profesor Wan adalah *high achievers* ketika SPM dahulu dan kalau beliau adalah *low achievers* yang disalurkan kepada sastera, saya tidak rasa Profesor Wan menjadi seperti sekarang.

Kemudian saya hendak tambah tentang isu pembangunan Melayu. Saya rasa sudah tiba masanya bagi kita untuk merangka suatu strategi pembangunan Melayu. Sekitar kira-kira dari tahun 1970an hinggalah tahun 1990an, kita telah membangunkan orang Melayu dari segi ekonomi dan sosioekonomi. Tetapi dalam kita memajukan mereka bagi melahirkan Melayu Baru, atau yang disebut sebagai orang kaya baru, orang pandai baru; ianya ada fokus tetapi tanpa budaya.

Saya berpendapat, Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan dengan mengabaikan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kita tidak merumuskan secara tuntas apa itu Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Di peringkat awal dahulu memang ada usaha-usaha untuk merubah mental orang Melayu dengan mengeluarkan *Revolusi Mental*. Tetapi dua tiga tahun selepas itu; selepas *committee* diwujudkan dan selepas buku itu dikeluarkan, tidak ada apa-apa yang berlaku. Kemudian dalam dua tiga bulan lalu, dalam Perhimpunan Agung UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi minta Utusan Melayu mencetak kembali *Revolusi Mental*.

Di kalangan orang Cina, mereka ada perancangan tentang apa yang mereka mahu capai selepas 1990 dan sebagainya. Di pihak orang Melayu, sedih sedikit walaupun ada usaha melalui sebuah kertas cadangan "Apa Selepas DEB?" oleh Universiti Kebangsaan Malaysia misalnya, namun tidak sesungguh bangsa lain.

Jadi wacana yang hendak saya tekankan di sini ialah perancangan kita dalam pembangunan Melayu. Dulu ada kita ada 'SERU' yang memantau kemajuan dan pembangunan Melayu. Sekarang tidak tahulah, tidak ada SERU, tidak sampai serulah. SERU ini seharusnya berfungsi untuk memantau kemajuan ekonomi Melayu. Tetapi sejak sepuluh tahun yang lalu tidak nampak. Barangkali SERU itu harus dihidupkan kembali oleh NGO Melayu yang prihatin dengan pembangunan dan kemajuan bangsa Melayu.

Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Zainiy Uthman
Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC)

Saya ada dua perkara, pertama berhubung dengan apa yang disebutkan oleh Profesor Wan dan Dr. Firdaus tadi dan apa yang dikatakan akan berlaku pada masa hadapan dan sebagainya. Saya melihat komposisi daripada segi *ministry* di mana apa yang saya anggap sebagai *future ministries: science, health and housing*.

Kesemua *ministries* ini menjurus kepada isu pembangunan dan diketuai oleh bangsa lain.

Jadi bagaimana kita hendak menggambarkan kita yang mendepani dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan di ketika dunia dikatakan saintifik, IT dan sebagainya? Saya tidak tahu kalau keadaan ini boleh berubah. Kalau boleh sebahagian *ministries* ini diketuai oleh kita supaya kita ada peranan kita di bidang tersebut.

Yang kedua, apa yang dimaksudkan dalam pembentangan Profesor Wan tadi, saya hendak bertanya sebagai respons tentang kegagalan beberapa institusi; kita ada atau tidak, institusi yang membentuk apa yang dikatakan *the mission and the vision of the Malays*. Kita boleh menyebut *excellent centres* seperti di Amerika dan England; contohnya Cambridge atau Oxford yang dianggap mempunyai *brand*. Kita tahu, sampaikan kita terbawa-bawa rasa hormat dan bangga itu ke sini. Tetapi, siapa yang *proud* jika ada *centre* yang *define Malays' excellence*?

Jadi, ini satu perkara yang saya rasa kita patut perhatikan bersama, di mana pusat-pusat kecemerlangan ini harus membina kemahiran berpidato dan sebagainya yang menggambarkan inilah *skills of the excellent Malays*. Orang yang bakal keluar dari *excellent centre*, pusat-pusat kecemerlangan ini; dia mempunyai akar pensejarahan kepada tamadun Melayu, Islam dan sebagainya. Seperti orang yang keluar Oxford merasa bangga kerana membaca karya Shakespeare.

Sebagai perbandingan, orang kita keluar universiti, tidak tahu Hamzah Fansuri ataupun Amir Hamzah untuk dibanggakan. Ini memalukan. Kita perlu ada suatu tempat yang bersifat *mission building*, membina wawasan. Mungkin bangsa lain ada, tetapi kita ada apa? Apa visi dan pencapaian kita? Apa kita hendak buat? Jadi kita mesti ada pusat yang membina kecemerlangan tradisi dan juga personaliti bangsa kita.

Y. Bhg. Prof. Dr. Azizan Baharudin
Pengarah, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (UM)

Saya ingin memberi sedikit pandangan berhubung tajuk yang dibentangkan oleh Profesor Wan sebentar tadi. Pertamanya dalam usaha kita ingin menggalakkan golongan muda mempunyai peranan patriotik, maka saya rasa elok atau perlu digunakan pendekatan teologis atau spiritual di samping pendekatan *historical* atau sejarah seperti yang dihuraikan oleh Profesor Wan tadi. Ini penting khususnya bagi mereka yang menganggap semangat kebangsaan itu sebagai tidak Islamik.

Dalam konteks orang Melayu, hujah berikut mungkin berguna iaitu kepentingan Melayu perlu dijaga kerana "Melayu" adalah pendukung Islam. Sekiranya Melayu rebah, mungkin juga kekuatan Islam di bumi ini akan turut jatuh. Kerana itulah kita perlu patriotik "demi agama, bangsa, dan negara".

Keduanya, dalam konteks peri pentingnya orang Melayu bergaul dengan bangsa-bangsa dan penganut-penganut agama lain, adalah disebabkan surah al-Hujurat menyatakan bahawa (lebih kurang bermaksud) "*Tuhan telah sengaja menjadikan manusia itu berbeza-beza dari segi kaum, bangsa, bahasa, dan lain-lain supaya mereka saling mengenali di antara satu sama lain dan bukannya saling membenci*".

Di campur dengan ayat yang menyatakan tidak ada paksaan dalam agama, orang-orang Islam mesti berasa "*comfortable*" dan menerima kewujudan "orang lain" di dunia ini. Namun berdasarkan keyakinan yang hakiki mengenai tujuan kita dijadikan adalah sebagai *khalifatullah*, maka kita mesti "mahu" menjadi pemimpin khususnya dalam konteks negara kita Malaysia. Tetapi untuk menjadi pemimpin dan khalifah yang sebenar, kita mesti mempunyai kemahuan dan kerelevanan untuk itu dan sebahagian dari kemahiran dan kebijaksanaan memimpin ini menuntut kita perlu mengenali dan memahami orang atau tamadun lain.

Seterusnya, untuk tidak berasa gentar mengenali orang lain, kita mesti sudah kukuh dengan tauhid dan agama kita sendiri terlebih dahulu, maka barulah tidak ada isu kita “diperangkan” oleh orang lain.

Ini menunjukkan kepentingan dialog antara peradaban. Pihak YAB Dato’ Menteri Besar dan kerajaan negeri atau mana-mana badan silalah menggunakan khidmat yang diberikan oleh Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya untuk membolehkan proses peningkatan ilmu dan dialog peradaban ini dilaksanakan di mana-mana tempat yang sesuai.

Y. Bhg. Datuk Haji Mohd. Nakhaei Hj. Ahmad
Yang Dipertua, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Kalau merujuk kepada pembangunan di negara kita, memang kita menuju ke hadapan. Secara kasarnya pejuang kemerdekaan memantapkan konsep perkongsian kuasa dan memantapkan keamanan negara. Kemudian mengeluarkan masyarakat dari kemunduran kepada lebih baik seperti golongan kelas menengah Melayu hinggalah ke masa kini.

Yang paling penting sekarang ini ialah, Malaysia sudah mula mengorak langkah ke hadapan dengan mengisytiharkan negara ini sebagai Islam. Saya rasa ini satu *turning point* yang amat penting. Ini tidak bermakna saya mengatakan apa yang kita buat itu tidak Islam, tetapi ianya memantapkan pengisian erti sebuah negara Islam itu.

Inilah saat kita harus lebih serius dalam persoalan pembangunan. Saya kira kita harus memulakan bicara pembangunan itu dalam ruang lingkup *Islamic worldview* secara serius. Saya lihat walaupun sebelum ini kita telah pun menjalankan cara hidup Islam secara menyeluruh, tetapi saya masih lihat di luar kedudukan *Islamic worldview* sehingga timbul penggunaan istilah-istilah yang salah.

Dalam perbincangan intelektual, banyak sekarang ini golongan sosialis sudah kembali melihat kepada dirinya setelah mereka itu menjadi pengikut kepada pemikiran-pemikiran Barat. Tetapi perbincangan mereka terkeluar dari konteks yang sebenar sehingga timbulnya istilah *Islamic secularism*, sosialisme Islam dan sebagainya. Jadi wajar pengisytiharan negara Islam itu dibuat kerana kita melihat dan berbicara pembangunan ini dalam lingkungan *Islamic worldview*.

Jadi secara dasarnya, pembangunan dalam aspek *Islamic worldview*, pertamanya ialah nilai kewajipan kita sebagai manusia iaitu merealisasikan hakikat perhambaan kita kepada Allah. Pembangunan bagi merealisasikan hakikat perhambaan diri kepada Allah.

Yang keduanya pembangunan dari segi manusia sebagai khalifah. Dua bidang pembangunan yang saling berkait, tetapi penjurusan mungkin berbeza. Pertamanya, mengisi pengisytiharan ataupun makna sebagai seorang Islam setelah mengucap syahadah. Ianya pembangunan diri kita sendiri di mana pembangunan pada seorang manusia Muslim itu ialah mengisi nilai-nilai asas dan pokok seperti ketaqwaan, *qana'ah*, zuhud, ikhlas, redha dan yang tertinggi, apabila kita mencapai peringkat pembangunan diri yang tertinggi ialah kebebasan (*freedom*). Iaitu apabila kita rasa diri kita bebas dan kita tidak terikat melainkan kepada Allah dan baru sempurna pengisytiharan itu.

Pengisytiharan itu mungkin tidak ada makna. Umumnya umat Islam bersyahadah tetapi kosong. Belum mencapai kepada satu tahap kebebasan yang dituntut dalam Islam, bebas sebenar-benarnya bebas. Inilah pembangunan insan, mengisi erti perhambaan kita kepada Allah SWT.

Perkara yang kedua itu, pengurusan khalifah iaitu pengurusan alam ini. Pengurusan sumbernya, pembangunan dan pengolahan

tempatnyanya. Menggunakan sumber yang dikurniakan oleh Allah SWT ataupun pengislahan bumi seperti mana yang telah dibicarakan tadi. Juga lain-lain aspek pembangunan seperti istilah *'umran* yang digunakan oleh Ibnu Khaldun. Istilah-istilah seperti *'umran* dan *tamaddun* itu mengajak kita mengembalikan konsep pembangunan dalam kerangka *worldview* Islam itu sendiri.

Perkara ini harus banyak kita wacanakan sehingga kita faham dan dapat mengisi betul-betul perisytiharan bahawa negara ini adalah negara Islam. Dengan ini kita harus juga menjana kekuatan yang diberikan oleh Allah SWT iaitu kekuatan akal; menimba, mengolah dan mengembangkan ilmu dan juga membersihkannya untuk menerima hidayah dari Allah SWT.

Keduanya ialah kekuatan naluri kita. Pertamanya ialah naluri yang sebut sebagai *al-amarah*. Bukannya tidak baik *al-amarah* ini. Kalau tiada nafsu, kita jadi manusia yang bodoh, yang tidak ada keinginan. Nafsu ini hendaklah di-*develop* dan bukannya diikut sehingga kita mempunyai keyakinan dan semangat yang kukuh dalam semua bidang.

Satu lagi perkara penting pembinaan kekuatan manusia dalam masyarakat ialah budaya kritis; nafsu *lawwamah*. Sama ada wujudnya budaya kritis kepada diri kita sendiri ataupun budaya kritis dalam masyarakat. Ini kekuatan yang penting untuk menjana fungsi kita sebagai khalifah Allah SWT.

Ketiganya ialah naluri *satisfaction*. Kalau ada jiwa yang kritis maka akan berhasil *satisfaction*. Tetapi kalau tidak ada jiwa kritis dalam diri kita, kita tidak akan mencapai tahap *satisfaction*. Kita buat sesuatu dan merasa tidak seronok sebab kita tidak mencapai *excellent*. Kita mencapai *excellent* sebab kita ada semangat dan budaya kritis.

Seterusnya kita dikurniakan oleh Allah SWT anggota yang boleh dilatih dan dimahirkan dengan kerajinan kerja. Anggota inilah yang

menentukan kerajinan kerja. Walau berfikir setinggi mana pun, kalau anggota tidak bergerak, tidak boleh. Jadi budaya menggerakkan anggota dengan kecekapan dan kemahiran serta budaya kerja itu sendiri adalah penting untuk kita mengisi erti negara ini sebuah negara Islam.

Perbincangan menerusi *worldview* Islam itu harus kita mula walaupun belum kukuh namun saya rasa barulah kita dapat mengisi makna perisytiharan negara Islam. Kalau tidak perisytiharan itu tinggal perisytiharan sahaja.

Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mohammad Yusoff Hussain
Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM)

Saya ingin menarik perhatian tentang apa yang telah dibincangkan oleh Profesor Wan tadi iaitu pembangunan dalam konteks Malaysia khususnya. Apa yang telah dilakukan selama ini oleh pemerintah atau kerajaan telah membawa Malaysia hari ini ke satu tahap yang lebih moden daripada negara-negara lain.

Namun begitu, apa yang berlaku cukup menyedihkan bila mana pembangunan ini disalahertikan; iaitu tidak Islamik. Itu persoalan yang besar. Jadi kita sekarang ini terpaksa memberikan nilai Islamik kepada pembangunan yang telah menelan belanja berbilion-bilion ringgit, tetapi dianggap oleh sesetengah orang sebagai membuang masa dan tidak Islamik.

Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kita kepada ayat al-Quran yang boleh membantu kita dari segi mengisbatkan bahawa pembangunan kita hari ini Islamik. Kalau kita rujuk kepada ayat-ayat al-Quran, yang menggabungkan dua konsep iaitu

"إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا" (wahai orang-orang yang beriman), "وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ" (dan melakukan kerja-kerja soleh), menggabungkan dua ayat ini, terus diberikan ganjaran. Bermakna, apabila seseorang itu beriman dan melakukan amal soleh, Allah berikan ganjaran secara *cash* (tunai) syurga di akhirat nanti. Tiada pula kita jumpa di dalam al-Quran itu, "*ya ayyuha'llazi naamanu waalimu*", iaitu orang yang beriman dan berilmu. Ini menunjukkan bahawa berilmu tanpa melakukan amal soleh, Allah tidak berikan apa-apa ganjaran, sebab kadang-kadang orang berilmu juga memesongkan banyak perkara. Tetapi apabila dia melakukan amal soleh, maka dia mendapat manfaat.

Sebab itu hadith pun ada menyebutkan tiga perkara apabila seseorang itu mati akan mendapat manfaat iaitu pertama ilmu yang bermanfaat, kedua sedekah jariah, dan yang ketiganya anak yang soleh yang mendoakan untuknya. Jadi konsep soleh ini ada kaitan dengan soal pembangunan. Tetapi kita lupa bahawa perkara itu sebenarnya kita tidak ulas. Saya tidak kata kita tidak ulas, tetapi dalam konteks sekarang ini kita melihat orang-orang soleh itu, mungkin dalam pandangan yang serong yang akhirnya jauh daripada pendekatan al-Quran berkaitan dengan pembangunan.

Oleh sebab itu, dalam negara ini, saya rasa elok kita menekankan bahawa beriman sahaja. Fardhu ain untuk sekolah bagi menguatkan diri dengan Islam. Tadi Datuk Nakhaei ada menyebut, apa yang dimaksudkan dengan Islam? Apa yang dikatakan dengan ihsan? Sebab itu kalau kita tengok hadith ini; ketika sahabat bersama Rasulullah, datang seseorang yang serba putih. Maknanya dia bukan datang dari mana-mana masjid, dia turun dari langit, dan Rasulullah kata hitam rambutnya. Saya fikir juga, jadi ya itu ialah malaikat. Saya

4. Al-Quran, Surah al-Bayyinah: 7.

5. *Ibid.*

nampak malaikat ini tidak pakai serban, sebab itu nampak rambutnya. Jadi kita yang tidak pakai serban ini mungkin jadi malaikatlah agaknya.

Ini konsep yang kita kena betulkan dalam soal pembangunan di Malaysia, kerana kita lihat pembangunan dalam aspek sekular. Sebenarnya dunia kita perlu, yang kita tidak perlu ialah fahaman keduniaan, fahaman sekularisme itu kita tidak mahu. Nasionalis kita perlu tetapi nasionalisme kita tidak perlu. Fahaman assabiyyah kita tidak mahu tetapi jati diri orang Melayu ini kita perlu ada. Jadi pembangunan ini saya fikir memperlihatkan kepada perkara ini, ianya Islamik.

Kita tengok ayat-ayat al-Quran diturunkan. Pertama ialah *Iqra*. Dia (Allah SWT) suruh membaca. Kemudian ayat kedua al-Mudaththir, wahai orang-orang yang berselimut, oh bangun! Maknanya suruh bangun; Islam itu suruh membangun. Kemudian barulah ayat-ayat yang lain itu. Oleh itu saya melihat ilmu itu ertinya fardhu ain, dan yang kedua beramal soleh itu ialah fardhu kifayah berdasarkan kemampuan masing-masing, bahawa sesiapa yang ilmunya tinggi maka dia terlepas.

Dalam bidang-bidang yang lain, saya fikir Jabatan Bekalan Air yang membuat tangki air itu misalnya, mungkin masuk syurga juga bersama-sama dengan seorang perempuan dalam sebuah cerita yang menyelamatkan anjing dari dahaga dengan memberi air. Jika perempuan itu masuk syurga, takkanlah buat tangki besar itu masuk neraka. Jadi ini konsep yang mesti difahamkan. Ini dikatakan bahawa amal soleh ini adalah fardhu kifayah yang dahulu disalahertikan bahawa fardhu kifayah ini ialah mandi mayat, sembahyang mayat, dan masuk kubur. Ini konsep fardhu kifayah yang lama dahulu.

Satu lagi yang saya hendak kemukakan dari segi falsafahnya ialah, bahawa pembangunan erti kata Barat ini bermula daripada penolakan agama. Ianya berdasarkan *man centric philosophy* dan Islam berpegang kepada *non-centric philosophy*. Kerana bermula dari

menolak agamalah, seperti Descarte dan lain-lain lagi, membentuk fahaman pembangunan Barat. Kemudian dari segi falsafah ini, jadi dua pola yang begitu jauh berbeza, berada dalam negara ini. Iaitu kita beragama Islam dan terdapat sesetengah daripada kita berfahaman seperti falsafah Barat.

Akhirnya, yang menjadi persoalan kepada saya dalam pembentangan tadi ialah rumusan; bahawa di Amerika Syarikat, beberapa buah universiti ada memperuntukkan berbilion-bilion dolar untuk membangunkan sistem penyelidikan di peringkat universiti, dan kemudiannya Profesor Wan menyebutkan bahawa harus dibangunkan melalui peringkat remaja, pemuda dan pemudi, iaitu harus bermula dari atas kemudian ianya turun ke bawah.

Sedangkan apa yang kita faham selama ini bermula dari bawah, sebab itu pepatah Melayu mengatakan "melentur buluh biar dari rebung". Kalau sudah jadi buluh buat kerusi, buat pagar sahaja. Jadi konsep berhubung dengan konsep ini, saya minta penjelasan apakah ia bermula dari atas ke bawah ataupun dari bawah ke atas seperti mana yang kita faham selama ini?

YB Dato' Haji Mohd. Zawawi Haji Salleh
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Saya rasa syarahan Profesor Wan ini agak berat kerana ada melibatkan beberapa fahaman asas. Ini tidak terpisah daripada hal pembangunan sekarang daripada segi praktikal. Ini adalah kerana istilah-istilah yang digunakan itu menunjukkan fahaman kita. Sebab itulah kita lihat asas-asas kadangkala tidak memberi manfaat apabila peristilahan itu agak kurang tepat.

Misalnya rukun tetangga, yang kita pentingkan itu rukun. Jadi sebenarnya yang kita pentingkan tetangga rukun, bukan rukun tetangga. Sebab itu kita perlu kepada peraturan-peraturan. Maka

itu, kita katakan peristilahan ini membawa kepada beberapa kesan. Tentunya daripada segi amalan.

Jadi tentunya dalam soal asas ini, barangkali perlu juga kita adakan satu program susulan. Sebab banyak masalah yang timbul dalam masyarakat sejak kebelakangan ini adalah kerana silap faham ataupun kekeliruan tentang soal-soal dasar ataupun soal-soal asas. Bukan saja dari segi pembangunan tetapi dari segi-segi yang lain. Bagi saya perkara ini berlaku kerana silap dari segi kefahaman kita.

Saya rasa ini merupakan satu permulaan yang baik, tetapi kita perlu perjelaskan tentang soal-soal yang sepatutnya, sebelum sesuatu itu difahami. Selain dari segi Islam, pada masa dahulu, orang-orang dahulu saya ingat dari segi aqidahnya kena jelas, iaitu *awaluddin makrifatullah*. Soal asas. Sekarang ini ada yang tidak berapa setuju dengan pandangan ini, di mana silapnya?

Jadi dasarnya, soal pembangunan ialah kita mengenal Allah itu. Ertinya apa yang dilakukan ialah gambaran daripada; sebagaimana yang diterangkan oleh Datuk Nakhaei tadi, gambaran sebagai khalifah Allah, sebagai perhambaan kepada Allah, sebagai amanah kepada Allah. Tetapi nampaknya soal dasar yang itu pun, kalau tidak ada pendidikan bagi generasi sekarang yang masih baru, tentunya mereka samar dan terkeluar daripada keadaan sebenar.

Tentunya sesiapa yang membaca buku Profesor Wan dan *familiar* dengan buku-buku Profesor Syed Naquib, tentunya ini merupakan suatu tafsir yang selari, tafsir kepada fahaman yang dibawa oleh konsep pembangunan itu merujuk ke arah sesuatu yang ke depan. Sebab Islam yang dahulu itu, dengan Islam yang sekarang ini, Islam itu juga kerana kita hendak membawakan konsep tragedi dari segi pembangunan.

Ertinya seperti orang yang menolak batu untuk sampai ke puncak bukit. Bila sampai ke situ, dia menolak balik kerana ada sesuatu

yang *final*. Jadi proses pembaharuan yang dicapai itu bukan sudah menjadi tetapi dalam proses "kemenjadian". Sebab itu dikatakan rancangan lima tahun yang akan datang. Sebenarnya dalam pembangunan itu kita sampai suatu garis yang dikatakan pembangunan, dari segi teorinya.

Tetapi, ini adalah tafsir dari gaya bahasa tafsir Profesor Naquib sendiri. Tafsir ini mempengaruhi sifat Dr. Uthman (Zainiy), Profesor Wan pun begitu dan jadi satu perkara yang baik pula. Inilah suatu tanda ulama yang muktabar itu memperturunkan ilmu kepada murid-muridnya. Begitu juga kita lihat misalnya Syed Tayyib yang mengikut Imam Nawawi. Jadi alhamdulillah, dari segi intelektualnya mungkin suatu benda yang besar. Jadi seorang profesor atau *thinker* yang menurunkan ilmunya, saya rasa sesuatu yang amat besar.

Jadi itulah asas-asasnya dan perkara-perkara sebegini perlu kita beri fahaman juga walaupun kita lebih pentingkan soal-soal yang praktikal. Kita perlu memberi fahaman ini kepada pegawai-pegawai kerajaan, anggota-anggota polis, wartawan-wartawan dan profesor-profesor supaya apabila kita mengulas perkara ini dari segi politik dan sebagainya, tidak lari daripada soal-soal yang asas ini. Perkara ini saya rasa berkaitan juga dengan *point* yang ditimbulkan oleh Profesor Firdaus itu, di mana sekarang ini jarang terdapat pemuda-pemudi yang dapat berhujah untuk mempertahankan hak-haknya sendiri kerana dia tidak memahami asas-asas ini.

Saya rasa itulah yang dapat saya perkatakan. Saya rasa perkara ini perlu kita perluaskan kepada soal-soal dasar, bukan sahaja pembangunan tetapi soal-soal lain supaya apabila asas-asas ini difahami, barangkali kekeliruan yang timbul akan dapat dikurangkan. Sebab yang mungkin ada sekarang, bukan orang seperti ini tidak berilmu, tetapi kerana ilmu itu telah bercampur di antara yang benar dengan yang salah. Mungkin itu yang Syed Naquib sebutkan sebagai ilmu yang palsu sebab kalau ilmu yang tidak benar itu, ianya fasad.

Tetapi kalau benar ianya bercampur dengan yang tidak benar, inilah yang paling bahaya kerana disebarkan oleh orang-orang yang berkedudukan dalam masyarakat. Orang ini sebagai mursyidul am atau sebagai ustaz. Jadi dengan kedudukan mereka dalam masyarakat dan ilmu itu mempunyai asas yang salah, jadi kepalsuan itu melimpah ruah dalam masyarakat kerana masyarakat melihat kedudukan seperti orang yang menjadi rektor universiti, orang yang menjadi profesor madya, orang menjadi pengkritik masyarakat, wartawan yang terkenal dan sebagainya.

Jadi kalau kita lihat asas-asas utama itu ialah Islam. Saya rasa, walaupun perkara ini orang kata agak meluas konsepnya, tetapi ianya amat perlu dalam keadaan sekarang untuk kita jelaskan konsep-konsep yang asas ini.

Y. Bhg. Datuk Johan Jaafar

Pengarah Eksekutif Maximseri Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu saya ingin membuat satu pengakuan. Saya sebenarnya kagum dengan Profesor Wan Mohd Nor, dan saya fikir saya setelah membaca tulisan beliau. Apa yang diperlihatkan kepada kita adalah sebahagian daripada kebijaksanaan Profesor Wan dalam mengutarakan isu yang sangat kompleks dalam konteks yang sedemikian luas, dan saya fikir pengertian ini sesuatu yang boleh menjernihkan banyak kekeliruan.

Saya orang media dan orang media ini melihat bahawa makhluk bersifat *chaos*. Jadi semakin *chaostic* dunia ini sebenarnya semakin mudah untuk menyelenggarakannya. Tetapi apabila Profesor Wan Mohd. Nor membangkitkan beberapa isu berkaitan soal pembangunan, saya juga merasakan kekhawatiran saya sendiri mengenai isu-isu besar ini. Dilihat dari satu perspektif yang mungkin *preview* dari kaca mata kita sebagai seorang Islam.

Saya teringat sewaktu Ayatollah Khomeini menjatuhkan Shah Iran di Iran. Orang pun bertanya apakah yang berlaku selepas ini? *Is there such a thing as Islamic economics?* Jadi Ayatollah berkata begini, *Islamic economics is not just about the price of a watermelon.* Artinya, ekonomi Islam itu bukan hanya sekadar apabila kita menjadi pemerintah sesebuah negara Islam, maka dengan sendirinya ekonomi itu sendiri menjadi Islam. Apabila kita mengaku diri kita bahawa menggunakan slogan, pengertian; seperti 'Ketuanan Melayu' dan bahawa kita kuasa yang dominan dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia, maka dengan sendirinya kita boleh *apply* nilai atau *value* kita kepada negara dengan secara yang mudah.

Saya juga kluatir kalau kita *highlight*-kan dan pada akhirnya kita terjebak dengan gagasan, pandangan dan seperti juga saya diperingatkan bahawa apabila mengatakan *civil society* dan sebagainya; *it is just a slogan point.* Jadi saya kluatir apabila kita hanya memfokus perbincangan kita kepada suatu perspektif dan kekhawatiran saya kalau kita gagal memanjangkan atau memberikan ruang untuk melihat dari perspektif orang lain.

Saya akui usaha yang dilakukan ini suatu usaha yang murni, tetapi pada hakikatnya saya kluatir kemungkinan bahawa kita harus menjadi pragmatik dalam konteks bahawa keadaan senario ekonomi, politik dan kemasyarakatan yang berubah. Ini berlaku apabila kekayaan seorang manusia, seperti Bill Gates umpamanya yang memiliki Microsoft yang sangat besar di mana kekayaan seorang manusia sama dengan *gross national product (GNP)* bagi semua negara Afrika kecuali Afrika Selatan.

Maka kita bercakap sebenarnya harus dari parameter yang berbeza, bahawa ini kita tidak lagi bercakap secara tradisional. Bila kita bercakap tentang *wealth* contohnya, kita tidak lagi bercakap sekadar situasi kekayaan dalam konteks yang kita kenali daripada pemikiran ekonomi yang terdahulu.

Bill Gates umpamanya, dan orang-orang seperti beliau telah mengubah sama sekali pola dan corak kekayaan dalam konteks itu. Oleh itu bagaimana kita harus *incorporate* konsep kekayaan dalam konteks kita pada hari ini? Jadi saya lebih suka duduk menjadi lebih praktikal dalam soal ini. Saya mengakui bahawa kita boleh mengetengahkan *value* ataupun nilai sebagaimana yang paling ideal, mengikut Islam dan sebagainya. Saya juga bersetuju seperti yang dibangkitkan oleh Profesor Wan bahawa tidak mengesampingkan aspek yang ada kaitannya dengan akhlak dan moral. Tetapi dalam waktu yang sama, kita juga harus membuat alternatif.

Saya fikir ini adalah usaha awal daripada Profesor Wan untuk memberikan alternatif untuk kita melihat, misalnya apakah itu sebenarnya ekonomi Islam? Kita tidak boleh secara mudah hanya mengIslamkan tetapi kita juga harus mencari apakah sebenarnya nilai atau *value* yang memungkinkan ia menjadi ekonomi dalam konteks yang kita mahukan.

Umpamanya kalau kita pergi ke bank, banyak pegawai bank tidak boleh menyebut skim mudharabah dan sebagainya. Ada seorang Cina dari Hong Kong, Shanghai Bank, yang mengemukakan satu skim yang sebenarnya skim itu adalah skim pinjaman Islam, tetapi dia sendiri tidak dapat menyebutnya dengan betul istilah itu. Tetapi saya percaya soal sama ada ini Islam atau tidak, baginya tidak penting. Apa yang penting ialah aspek pragmatis daripada tindakan itu, bahawa mereka merasakan rakyat Malaysia ini 60 peratus terdiri daripada orang Melayu yang hampir 100 peratus Islam dan mereka mempunyai hak kuasa ekonomi kepada kaum-kaum lain.

Jadi saya fikir aspek pragmatik ini yang perlu difikirkan dan pada waktu yang sama, lebih daripada itu, saya juga memikirkan kemungkinan bahawa selain daripada kita berminat untuk meletakkan sesuatu kriteria, ukuran ataupun piawaian menggunakan nilai yang selama ini telah kita terapkan dalam kehidupan, dalam

masa yang sama kita harus memberi ruang atau interaksi di antara bangsa-bangsa Malaysia ini.

Saya lebih risau sekiranya kita memilih tempat. Orang Cina dengan laku dan gayanya, orang India dengan gayanya, orang Melayu dengan kekuatannya dan pada akhirnya kita tidak mendapat suatu kesepakatan. Saya fikir kita boleh melahirkan satu modul Islam ataupun konsep negara Islam yang mengambil kira kehadiran orang lain. Sebab saya khuatir kalau kita hanya melihat ke dalam diri kita secara perspektif, pada akhirnya kita tidak menjadi pragmatik dan akhirnya ia memungkinan kelahiran satu pola pemikiran sahaja. Tidak memberikan ruang atau pandangan-pandangan untuk pemikiran lain.

Akhirnya yang hendak saya sebutkan di sini ialah, saya fikir ini adalah satu penelitian awal, suatu isu yang sebenarnya kompleks dan menyeluruh untuk menyelesaikan semua masalah. Mudah-mudahan kita akan mendapat banyak manfaat daripada perbincangan ini dan sekurang-kurangnya untuk kita mencari satu kata sepakat dan kompromi untuk kita melihat sebenarnya, apakah yang boleh difahamkan sebagai pembangunan ataupun pengislahan? Walau apa pun namanya yang diberikan kepada konsep ini, ianya harus mengambil kira juga diaspora bangsa yang berada di sekitar kita dan faktor-faktor lain yang memungkinan Malaysia menjadi negara *multi-culture* dan *multi-racial*.

Saya fikir itu juga patut kita fikirkan seperti yang saya nyatakan tadi tanpa saya berniat untuk tidak bersetuju dengan Profesor Wan. Saya hampir 100 peratus bersetuju dengan beliau cuma kalau boleh saya meminta kita memikirkan juga perspektif lain dalam konteks yang lebih meluas.

Y. Bhg. Prof. Barjoyai Bardai
Perdana Technology Ventures Sdn. Bhd.

Saya rasa pembentangan tadi cukup mantap. Saya pun seperti Datuk Johan, kagum. Saya ingin menambah beberapa aspek di mana konsep pembangunan itu sendiri sebenarnya selama ini dikongkong oleh istilah. Kita mengambil istilah Barat, meminjamnya dan menterjemahkannya, kemudian kita mengandaikan apa sahaja yang diterima dalam proses *develop* itu, itulah yang kita terima dalam konsep pembangunan.

Jadi mungkin sampai masanya perlu bagi kita mendefinisikan istilah itu. Apa yang sepenuhnya ingin kita definisikan tentang pembangunan. Saya rasa ianya tidak boleh dibina dengan satu istilah, mungkin perlu beberapa garis panduan tentang kriteria dan faktor. Contoh yang kita boleh ambil, mungkin pengembangan minda, pengembangan iman, pengembangan pendapatan dan lain-lain lagi.

Kemudian mungkin kita tidak perlu dilabelkan dari segi Islam, tetapi kita kemukakan nilainya. Saya setuju dengan Datuk Nakhaei, iaitu kita mula dengan semangat ataupun konsep tauhid sebagai asas. Mungkin untuk diselarikan dengan minda, iaitu pertumbuhan dan pengembangan minda.

Kemudian saya rasa ini mungkin merupakan satu peluang kepada kita kerana sekarang ini kita sedang menunggu-nunggu untuk menjadi negara maju dan tadi Profesor Wan ada menggariskan beberapa kriteria yang mungkin sudah lapuk dan kebanyakannya diasaskan kepada statistik. Kita tahu bagaimana statistik boleh mengaburi mata. Misalnya kita pergi ke Norway, negara yang paling kaya, paling maju, namun masih ramai yang tidur di atas pangkin dan sebagainya.

Jadi maknanya statistik tidak begitu bermakna. Begitu juga dengan 'pendapatan perkapita' yang selama ini dijadikan asas. Mungkin kalau

kita boleh menggariskan apakah kriteria yang ingin kita wujudkan sebagai asas negara maju dan kemudian kita amalkan di Malaysia dan di Selangor ini, akhirnya boleh menjadi satu sumbangan besar kepada dunia.

Kemudian konsep hak istimewa orang Melayu ini, sebenarnya mungkin kalau kita lari daripada label Melayu-Islam, mungkin kita tidak perlu kata hak istimewa. Kita kata ia merupakan satu hak sebagai insan, sebab di negara maju seperti di Switzerland, Belgium, ada program yang menelan belanja besar yang digunakan untuk memastikan kumpulan-kumpulan tertentu ada *privilege* dan mereka akan dibela dalam bentuk kemudahan kewangan dan perubatan.

Jadi apa bezanya dengan apa yang kita buat di Malaysia. Jadi mungkin kita dikatakan bahawa hari ini Malaysia mempunyai kadar *Gini coefficients* yang kedua terburuk di dunia. Lanya yang terburuk kalau melibatkan kaum berbanding negara lain yang mana tidak berasaskan kaum. Jadi itu boleh merupakan asas yang penting.

Kemudian berhubung dengan proses pembangunan, saya selalu persoalkan tentang ini; apakah masih ada tamadun Melayu? Sebab dikatakan bahawa tamadun Melayu telah pupus 450 tahun apabila kita mula dijajah. Kepada anak-anak kita mungkin tamadun itu sudah tidak penting sebab tamadun itu sudah dicemari oleh banyak tamadun-tamadun lain yang lebih bermakna bagi mereka.

Jadi mungkin kesilapannya kita yang selama ini tidak berusaha untuk menyemarakkan tamadun bangsa Melayu dan mewujudkannya sebagai satu tamadun yang bermakna. Jadi mungkin ini juga perlu digarap sebagai slogan pembangunan. Kalau ini boleh dimasukkan, mungkin boleh menjadi satu usaha menaikkan moral, rasa semangat jati diri kepada orang Melayu sendiri.

Y. Bhg. Dr. Mohd. Sood Mohammad
Naib Presiden, Akademik dan Hal Ehwal Pelajar
Kolej INPENS Yayasan Selangor (KIYS)

Saya hendak menyumbang secara ringkas. Seperti yang telah dijelaskan oleh Profesor Wan. Saya menjuruskan kepada aspek pembangunan dalam konteks generasi pelapis yang hendak dididik. Ini adalah kerana pembangunan itu sendiri membawa kepada dua keadaan; membangunkan yang baik atau sekat, iaitu menghapuskan yang tidak baik dan negatif.

Kedua-dua mesti saling berkait. Setiap yang membangun dari segi yang baik bukan saja merangkumi dari segi material, kebendaan dan fizikal seperti yang banyak di Barat, tetapi ianya mencakupi aspek-aspek yang selari dengan aspek manusia itu sendiri; intelegnya, emosinya, fizikalnya dan keperluan asasnya.

Oleh kerana itu, jika dilihat dasar perangkaan perancangan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Pertama hingga ke Rancangan Malaysia Kelapan, semua perkara yang disebutkan tadi sudah diambil kira dengan baik. Perkara yang sama juga dinyatakan dalam Wawasan 2020 yang mana menurut acuan Malaysia yang tersendiri.

Tetapi dalam konteks pelaksanaan, biasanya yang dilakukan oleh pemimpin sama ada di peringkat kerajaan; persekutuan dan negeri mahupun pemimpin di peringkat masyarakat, komuniti, dan pemimpin di peringkat keluarga itu sendiri, mestilah betul-betul memahami pengistilahan pembangunan yang meratai semua aspek pembangunan manusia itu. Jangan ada satu yang terpinggir atau diabaikan. Jika tidak keseimbangan pembangunan akan menjadi tempang dan cacat.

Kita akan menerima kesannya dan hari ini sudah nampak tanda-tandanya akibat kita mengabaikan banyak perkara sehingga

bertambah ramai penghuni di Pusat Serenti. Kita macam kehilangan arah untuk memandu generasi muda yang kelihatan tidak mempunyai haluan yang jelas. Apa mahu jadi pada mereka?

Saya kira kepimpinan di peringkat atas adalah pengukuh, pengikat, penentu dan pemantau kelancaran proses pelaksanaan ini. Kemudian di peringkat bawah yang melaksanakan proses ini, memahami sepenuhnya bahawa sebarang kekacauan akan menjejaskan kelancaran pelaksanaan. Aspek pelaksanaan memerlukan kestabilan dan mesti ada *check point*-nya ataupun tanda ukur yang jelas. Jika ada sebarang kecacatan perlu segera diatasi. Jika tidak, maka kita akan katakan; "ya" kita membangun, tetapi dalam masa yang sama kita telah mengabaikan perkara negatif yang banyak meruntuhkan.

Misalnya hari ini, kita kata dari aspek kerohanian kita telah banyak mendidik. Proses pendidikan dan kurikulumnya cukup baik. Tetapi banyak aspek yang mempengaruhi sehingga menjadikan pendidikan itu kurang berkesan kerana hari-hari mereka dicanangkan dengan gejala-gejala dan kisah-kisah yang memang boleh merangsangkan nafsu; dalam media cetak, media elektronik misalnya sehingga membawa kepada keruntuhan moral.

Memang betul mereka diberikan banyak pengetahuan dan ilmu tentang moral dan akhlak. Mereka juga tahu dan berkata perkara tersebut tidak baik. Tetapi mereka tetap terpengaruh. Sama macam teori perokok. Dia tahu dan sedar merokok itu adalah tidak baik dan ditulis "merokok membahayakan kesihatan". Tetapi dia tetap merokok. Perkara ini adalah di antara godaan, nafsu dan kemahuan, dengan kesedaran dan keinsafan.

Jadi dalam konteks ini, pembangunan haruslah mendasari konsep yang sangat jelas; iaitu pembangunan semua aspek kemanusiaan termasuk alam sekitarnya demi anak cucu dan generasi akan datang. Pembinaan ketamadunan manusia ini juga harus boleh

menyekat dan mencegah semua unsur negatif. Perkara ini sama penting dan harus seimbang. Rentetan itu kita dapat melihat kesan pembangunan itu nanti tidak seperti acuan di Barat di mana betul hebat dari segi intelek dan proses penciptaannya, tetapi runtuh akhlak dan moralnya.

Y. Bhg. Tuan Haji Mohd. Adanan Isman
Presiden, Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR)

Alhamdulillah. Saya dapat hadir pada Siri ke-6 Wacana Ilmiah Bersama YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor. Terima kasih dan tahniah kepada INMIND. Tajuk wacana yang dibincangkan pada kali ini sangatlah signifikan dengan arah tuju Selangor Maju Tahun 2002. Saya ingin berkongsi pemikiran sebagai pengukuh dan percambahan dalam tajuk Pembangunan Menurut Perspektif Islam.

Sesungguhnya Islam sangat menggalakkan umatnya maju dalam segenap bidang agar ianya menjadi rahmat seluruh alam. Asal saja pembangunan yang dirancang itu sejajar dan seiring dengan syarak.

Apa sahaja yang dibangunkan oleh Islam hendaklah dengan tujuan untuk kesejahteraan dan keselamatan lima perkara utama. Lima perkara ini hendaklah sentiasa menjadi keutamaan dan perlu dipelihara. Pembangunan yang menjurus kepada kerosakan lima perkara ini sangatlah dilarang dan perlu dihindari. Lima perkara yang dimaksudkan ialah seperti yang berikut:

1. Pemeliharaan Nasab (keturunan)
2. Pemeliharaan Akal
3. Pemeliharaan Harta
4. Pemeliharaan Agama, dan
5. Pemeliharaan Jiwa.

Saya berpendapat pembangunan yang sedang dan akan dirancang oleh kerajaan sekarang adalah menjurus ke arah kesejahteraan lima perkara di atas. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya ada satu *task force* bagi menentukan dan memastikan pembangunan yang dirancang tidak tersasar demi memelihara dan mengukuhkan lima aspek keutamaan ini. Saya yakin jika ini diambil kira, hasrat melahirkan insan rabbani dan masyarakat madani akan tercapai. Insya Allah.

YAB Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo
Dato' Menteri Besar Selangor

Terima kasih kepada Profesor Wan Mohd. Noor yang telah memberi pembentangan begitu baik dari segi pembangunan, pembangunan dari segi Islam. Saya lebih melihat permasalahan pembangunan di mana, adakah Islam itu sebenarnya membawa pembangunan? Sedangkan kita lihat orang Islam mundur. Di negara kita pun orang Melayu hanya mempunyai pemilikan beberapa peratus sahaja dan sembilan peratus dipunyai oleh badan-badan kerajaan.

Sebenarnya jika kita mengkaji sejarah tentang sistem ekonomi pertama yang dibawa oleh sejarah Islam, ialah ketika Saidina Umar yang mengambil sistem ekonomi Parsi. Ianya dibawa masuk secara tersusun dan diasaskan pada ketika itu. Jadi kita lihat kalau kita cuba untuk mengetengahkan pembangunan ataupun pengislahan, sama ada ia akan dapat melibatkan lebih ramai orang bukan Islam atau sebaliknya. Ini persoalannya.

Lebih dari itu, dunia hari ini menganggap Islam bukan progresif, malah regresif iaitu ke belakang. Nampaknya negara Islam hari ini adalah negara miskin yang bergantung kepada ekonomi negara lain untuk hidup. Saya nampak, kecuali Malaysia dan negara-negara yang lain, negara seperti Indonesia, Pakistan, Bangladesh dan

sebahagian besar negara-negara Islam di dunia terpaksa bergantung kepada bantuan daripada negara bukan Islam.

Maksudnya, saya setuju dengan pandangan Profesor Wan tadi bahawa kita kena melihat, tetapi jalannya agak jauh kerana pandangan dunia kepada umat Islam itu ialah suatu umat yang mundur. Kita di Malaysia sendiri tidak menafikan perkara ini lebih-lebih lagi kalau kita ingin mengaitkan dengan istilah-istilah Barat, maka lebih menggawatkan masyarakat dan akhirnya akan menjarakkan lagi hubungan di antara kaum. Situasi ini agak perit bila mana ianya menjelaskan lagi tentang kelemahan kita.

Seperti orang kata 'bagai dua kapal terbang langgar World Trade Centre', maka ramai orang suka apabila Amerika dapat ditembusi walaupun ianya sebuah negara yang hebat. Ianya terjadi kelihatan amat mudah dan ringkas. Maka kita cukup seronok melihat bahawa musuh kita itu dapat didedahkan dengan perasaan takut dan malu sehinggakan kedutaan mereka terpaksa ditutup. Ini seolah-olah satu kejayaan.

Tetapi di sebalik itu, kita mendapat kerugian yang besar bila mana umat Islam di Afghanistan diserang dan umat Islam di negara-negara yang lain, termasuk kita sendiri tidak dibenarkan belajar di Amerika. Ini semua adalah tindakan-tindakan yang saya rasa tidak perlu kita ambil.

Saya lihat mengapa di negara Malaysia, umat Melayu ini, tidak begitu berminat untuk membangunkan ekonominya secara bersungguh-sungguh adalah kerana mereka pandang bahawa orang susah akan masuk syurga, orang senang masuk neraka. Ini adalah biasa dan menjadi masalah. Jadi pendapat ini tidak dapat kita nafikan kerana cikgu-cikgu agama di kampung-kampung mengajar tentang sejarah Rasulullah yang menjadi penggembala kambing.

Mereka tidak pernah mengajar tentang bagaimana dan kenapa Rasulullah berkahwin dengan Siti Khadijah yang kaya? Jarang,

malah hampir tidak pernah orang kata kenapa Rasulullah berkahwin dengan Khadijah yang kaya. Begitu juga kenapa Abu Bakar yang kaya, masuk Islam?

Inilah antara aspek-aspek ekonomi yang nampaknya kita tonjolkan dari segi negatif, iaitu orang susah dan miskin itu lebih banyak masuk syurga. Maka konsep zuhud itu pun akan disalahertikan pada hari ini. Zuhud itu mestilah tidak punya apa-apa pun, sedangkan dalam Islam ikut kemampuan kita seperti tanpa berhutang itu zuhud. Tetapi perkara-perkara ini menyebabkan pandangan-pandangan negatif dan ini mendasari pemikiran orang Melayu yang akhirnya menyebabkan satu kerosakan kepada umat.

Kalau kita tanya tentang pembangunan kepada anak-anak kita hari ini yang belajar sekolah agama umpamanya, dia memang tidak pernah terfikir pun. Dia kata, pembangunan itu tidak penting kerana Rasulullah seorang penggembala kambing, umpamanya. Sedangkan cerita-cerita tentang kemajuan dan kebaikan ini memang wujud tetapi tidak ditonjolkan sebagai satu contoh kepada masyarakat.

Kita lihat jarang sekali diceritakan tentang Abdul Rahman bin Auf, seorang sahabat nabi yang berjaya berniaga di pasar orang Musyrikin. Kemudiannya mempengaruhi pasar itu menjadi pasar Islam dan seterusnya dibawa ke pasar-pasar yang lain tetapi ini tidak diceritakan. Guru-guru agama yang ada hari ini selalu menceritakan tentang kesusahan dan ianya adalah sesuatu yang biasa. Sesungguhnya dunia itu juga penting. Seperti kalimah *فِي الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ*,⁶ bahawa dunia itu, digandingkan dengan akhirat. Inilah di antara perkara-perkara yang saya lihat.

Kemudiannya tentang konsep ibadah. Saya lihat masalahnya hari ini, ramai yang mengatakan bahawa kalau kerja itu bukannya ibadah.

6. Al-Quran, Surah al-Baqarah:201.

Kita hari ini berpandangan; kalau ke masjid, sembahyang dan wirid, itu ibadah. Tetapi kalau kerja itu bukan ibadah. Ini menjadi masalah yang menyebabkan ada anggapan bahawa susah itu adalah Islam. Islam itu dikaitkan dengan kesusahan. Ianya jarang dikaitkan dengan kekayaan dan kesenangan. Islam itu hanya dikaitkan dengan ibadah yang berupa amalan-amalan di masjid dan surau. Ianya tidak dikaitkan dengan amalan-amalan yang membawa kepada kejayaan dalam masyarakat.

Inilah antara punca-punca mengapa umat Islam lemah. Perkara ini bukan sahaja diajar di Malaysia, tetapi seperti di Pakistan pun diajar. Jadi bila anak-anak kita yang belajar di Pakistan balik ke sini, dia kata susah itu biasa. Pergi Mesir umpamanya, pun begitu juga.

Justeru, kita kena tukar persepsi bahawa Islam ini tidak menjadikan kita orang susah. Islam tidak suka kepada orang susah. Islam itu adalah untuk orang senang. Kalau kita cakap begini memanglah akan ditegur sebagai ajaran yang salah. Sebab kita diajar dari awal lagi, bahawa Islam itu dikaitkan dengan kesusahan. Bukan dikaitkan dengan kejayaan. Islam itu dikaitkan dengan ibadah-ibadah di masjid dan surau. Ianya tidak dikaitkan dengan kejayaan-kejayaan pembangunan yang lain. Sebab itu bila mana kita ingin melihat pembangunan, maka ada dua persepsi yang berbeza.

Satu persepsi barat sejak *the separation of church and state*, iaitu orang Barat mengatakan kalau mereka dikaitkan dengan agama, maka mereka tidak akan berjaya. Maka mereka pisahkan di antara *church* dan *state*.

Kita hari ini perlu tonjolkan imej ataupun petunjuk kita sendiri yang mana Islam mementingkan moral dan *spiritual value* daripada perkara-perkara yang lain. Sepatutnya kita mengatakan Islam membawa pembangunan di samping kita mengambil kira masalah-masalah moral dan spiritual pada umat Melayu hari ini.

Selangor akan mencapai negeri maju tahun 2005, lebih kurang tiga tahun lagi. Justeru, kita akan buat petunjuk-petunjuk bagaimana sebuah negara Islam maju yang hendak kita bawa. Kalau kita lihat negara maju hari ini, seperti Amerika, tetapi masih ada orang tinggal di bawah jambatan. Kalau kita hendak ikut *benchmark* ini, kita sudah maju. Dari segi GNP, kita USD 4,000. Dari segi pembangunan cukup banyak. Dari segi pendedahan kepada Internet dan komputer, kita 70%. Dari segi kemiskinan tegar (*hardcore poor*), hampir tidak ada, kecuali orang yang malas. Dari segi pendidikan, Selangor melebihi Amerika Syarikat di mana hampir tiada yang butu huruf. Hampir semua perkara kita sudah capai.

Tetapi untuk menjadi negara maju, di antara nilai-nilai yang mesti ada, kita mengetengahkan pembangunan insan itu sendiri. Sebab itu kita masukkan bina insan untuk membina keupayaan insan untuk masyarakat Selangor. Ini antara cabaran yang kita ambil dan tidak sama nilainya dengan Amerika Syarikat.

Di Selangor, kita tidak mahu melihat ada orang tidak berumah dan inilah nilai yang kita hendak bawa. Inilah yang diajar dalam Islam melalui ibadah zakat. Sebab itu ramai yang mengatakan kalau negara maju itu, tidak ada orang miskin. Bagi saya rakyat miskin adalah relatif dan akan tetap ada sampai bila-bila selagi ada manusia. Kita hanya boleh mengatasi kemiskinan tegar (*hardcore poor*).

Justeru, saya harap usaha-usaha seperti ini dapat digarap dengan baik dan saya harap Profesor Wan boleh memberikan input-input bagaimana untuk melihat sebuah negara yang maju. Ini adalah kerana bagi Malaysia, Wawasan 2020, ia akan ikut seperti Selangor. Ini amat penting kerana dalam jangka masa dua-tiga tahun ini kita hendak menunjukkan secara bersungguh-sungguh bahawa kita adalah negeri maju, bukan sahaja mengikut persepsi Barat tetapi juga menurut nilai Islam.

Kalau kita berjaya di Selangor, maka kita akan mengetengahkan konsep-konsep sebuah negara Islam dan Selangor menjadi perintis.

Ini akan mudah diterima oleh bangsa-bangsa lain dalam negara kita. Selangor melihat perkara ini cukup penting dan agak kritikal sebelum kita isytiharkan Selangor sebagai negeri maju tahun 2005.

Saya sekarang sudah memikirkan apa akan terjadi pada Selangor pada tahun 2020. Kalau Malaysia baru maju tahun itu, bagaimana rupa bentuk Selangor? Bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal tetapi dari segi spiritual. Inilah antara cabaran-cabaran yang mendasari Kerajaan Negeri Selangor.

Cabaran paling besar yang kita hadapi adalah migrasi dari negeri-negeri lain yang tidak seimbang pembangunan insan dan fizikalnya. Negeri Kelantan umpamanya, kalau melihat pembangunan sektor agama sahaja pun tidak diperkuatkan. Kalaulah pondoknya begitu, sampai sekarang begitulah pondoknya. Kalau Islam itu dikaitkan dengan kemiskinan, Kelantan hari ini seolah-olah mengajar tentang Islam itu miskin.

Sedangkan dalam Islam, Rasulullah mengajar bahawa syurga itu juga dijamin untuk orang kaya. Kalau tidak mengapa dipilih orang yang kaya seperti Khadijah dan Saidina Abu Bakar masuk Islam? Kemudiannya Saidina Ali yang masih kanak-kanak, sebagai langkah bahawa pendidikan itu bukan sahaja dari peringkat tengah tetapi dari peringkat bawah. Ini semua adalah konsep-konsep yang kita kena kaji balik.

Kita melihat bahawa usaha untuk mengetengahkan konsep pembangunan Islam ini haruslah secara *subtle*. Selangor adalah paling penting kalau kita ingin mengubah petunjuk-petunjuk pembangunan dalam negara kita. Saya percaya kalau Selangor gagal, maka Malaysia akan gagal mencapai Wawasan 2020.

Wawasan 2020 pun ramai yang tidak tahu inti patinya. Kita tidak yakin dengan hasrat tersebut dan nampaknya hanya di bahu seorang pemimpin sahaja. Ianya tidak digarap dan disambut oleh seluruh

rakyat Malaysia. Saya rasa kalau ditanya kepada sepuluh orang tentang *value* dalam Wawasan 2020, mungkin sembilan atau sembilan setengah yang tidak dapat jawab oleh kerana perkara ini tidak ditekankan. Kalau kita hendak mengetengahkan nilai-nilai yang baru, mungkin bermasalah. Kita kena bincang. Kalau kita terus buat 'pengislahan', maka ianya akan memburukkan lagi imej orang Islam kerana orang Islam di Malaysia tidak maju. Ini kenyataan di mana tanpa bangsa lain, Malaysia tidak maju.

Kalau 'diangkat' bangsa-bangsa lain, tinggal orang Melayu, kita boleh lihat betapa daifnya bangsa kita. Sebagai contoh, hendak cetak buku masih bergantung bangsa lain dan sebagainya.

Menyentuh masalah persepsi, ianya mengambil masa yang panjang. Terutamanya guru-guru kita mesti diajar bahawa bukan orang miskin sahaja masuk syurga. Saya pernah bertanya kepada seorang pelajar, kenapa tidak mahu jadi kaya? Dia jawab, orang kaya buat maksiat, kerana diajar bahawa kahwin dua-tiga dan tidak berlaku adil. Sedangkan perkara seperti ini boleh digunakan untuk membangunkan umat.

Konsep zakat umpamanya, orang berzakat itu lebih baik daripada orang menerima zakat. Namun nilai dalam pendidikan hari ini, menjadikan kita tidak berminat untuk berjaya. Seperti kata Dr. Sood bahawa akhlak sudah rosak kerana itu kita tidak bersemangat untuk berjaya. Kita rasa hidup ini hanya untuk berseronok kerana masuk syurga itu susah. Kalau kita diajar miskin masuk syurga lebih daripada orang kaya, buat apa kita belajar dan berusaha, ianya tidak penting dan inilah antara nilai yang diajar kepada umat Islam di kampung-kampung dan sekolah agama menyebabkan mereka tidak berminat untuk mencapai kejayaan dalam hidup mereka.

Antara kegagalan orang Islam dalam ilmu, ekonomi dan pembangunan, semuanya bermula dari *value* asas yang menyebabkan persepsi berbeza dan melemahkan jiwa kita untuk berusaha bersungguh-sungguh.

**Y. Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud (Pembentang)
Profesor, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun
Islam (ISTAC)**

Saya ingin menekankan bahawa pembentangan saya tadi mengandungi banyak saranan-saranan yang telahpun dicadangkan oleh pelbagai pihak termasuk Dato' Seri sendiri. Saya telah katakan di awal tadi bahawa perkara yang telah dilaksanakan dalam pembangunan ekonomi harus diteruskan. Cumanya kekurangan-kekurangan dan salah faham perlu diperbetul dan dipertingkatkan.

Kembali kepada masalah mikro, di mana segala masalah mikro yang disebutkan ini berkait rapat dengan masalah makro. Contoh seperti yang dibangkitkan tadi tentang konsep ibadah, fardhu ain dan fardhu kifayah, isu-isu asasi dan sikap dan jati diri Melayu dalam media. Kita lihat program *entertainment* Melayu seperti drama dan filem Melayu di mana bahasa Melayunya baik, tetapi nilainya tidak baik atau tidak sesuai dengan Islam. Seperti cara bercakap dengan bapa atau suami, dengan suaranya yang tinggi serta akhlaknya rendah. Maka ini kembali kepada isu-isu mikro tadi.

Seperti juga apa yang dikatakan oleh Dato' Seri tadi iaitu kesusahan lawan kesenangan. Ini perkara yang mikro dan walaupun kelemahan makronya cukup penting. Contohnya, anak-anak kita ini tidak mahu belajar bukannya kerana mereka fikir bahawa kesusahan akan membawa ke syurga, tetapi dia mahu kesenangan sebab tidak belajar senang dan malas senang, sementara berjaya itu susah, menjadi kaya itu susah dan menjadi usahawan itu susah.

Satu perkara yang hendak saya bangkitkan, dalam sejarah masyarakat Islam yang berjaya dahulu pun, tidak pernah berfungsi secara terasing dari masyarakat yang lain. Hatta di Makkah mahu pun di Madinah. Sama ada pembangunan kewangan ataupun kebendaan. Kalau saudara ke Istanbul dan berbincang serta melihat sejarah kerajaan Uthmaniyyah umpamanya, peranan kerajaan

dalam pembangunan infrastruktur waktu itu, amat minima sekali. Pembangunan madrasah, tali air dan hospital semua datang dari harta wakaf dan orang miskin tidak boleh memberikan wakaf.

Ini satu perkara yang cukup penting sekali. *The state at that time, plays a minimal role.* Mereka menjaga sempadan, memastikan kezaliman tidak berlaku dan syariah tidak dilanggar. Manakala pembangunan madrasah, hospital dan sebagainya, semuanya dari wakaf termasuk daripada pemaisuri-permaisuri yang kaya.

Kisah contohnya Siti Zubaidah yang cukup kaya hatta dari Baghdad hingga ke Madinah. Kenapa ada kisah ini? Kerana kita tidak boleh bercakap tentang pembangunan Islam tanpa adanya pembangunan kebendaan. Sebab kita khalifah *filard* bukan *filakhirah*. Perkara ini amat penting dan saya mengatakan bahawa apakah perkara ini sedang dibangunkan?

Sesungguhnya perkara ini banyak lagi yang boleh dihuraikan dan ini merupakan permulaan. Namun begitu dasarnya sudah siap. Sebagai orang Islam kita harus melihat sesuatu dari perspektif Islam. Kalau kita hanya berbincang pendapat orang lain, bererti kita menzalimi dan mengkhianati diri kita sendiri. Itu tahap kedua. Tetapi tahap pertama kita harus menyelesaikan kefahaman kita sendiri.

Merujuk kepada Dato' Seri tadi, Selangor merupakan satu negeri yang terpenting. Selangor ini macam *California of US*. Kalau California gagal, US juga akan turut gagal. Sebab di sini tertumpunya kebanyakan cendekiawan dan aktiviti ekonomi. Sebab itu saya akhiri hujah dengan syair; "*betapa pun masyarakat memuji bulunya yang cantik dan indah, tetapi si Merak tetap sedar akan kakinya yang hodoh*". Walaupun kita tahu bahawa negeri Selangor ini maju, pemimpinnya sedar bahawa masih banyak lagi perkara yang perlu diselesaikan.

**Y. Bhg. Dato' Dr. Zambry Abd. Kadir (Pengerusi Wacana)
Ketua Eksekutif, Institut Perkembangan Minda (INMIND)**

Terima kasih kepada Profesor Wan, YAB Dato' Seri dan Yang Berbahagia para hadirin sekalian. Kita telah banyak berbincang teori tentang pembangunan dan sedikit sebanyak perkara yang berkaitan dengan topik ini telah Profesor Wan perelaskan.

YAB Dato' Seri, di sini saya ingin memberi beberapa cadangan yang antara lain daripada Profesor Azizan supaya diadakan *road show* di sekitar negeri Selangor tentang konsep dan istilah yang berkaitan dengan perbincangan hari ini. Umpamanya istilah 'islah', 'khilafah', 'khalifah' dan sebagainya.

Dicadangkan juga agar diadakan program wacana di antara orang Melayu dan bukan Melayu, merangkumi pelbagai isu yang berkaitan dengan aspek pembangunan umpamanya. Ini adalah sebahagian daripada proses wacana Bina Insan dan mungkin keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor berhubung isu pembangunan akan dapat dirasakan.

Akhirnya, saya ucapkan terima kasih kepada Y. Bhg. Profesor Dr. Wan Mohd. Nor atas pembentangan beliau, dan juga kepada YAB Dato' Seri yang membenarkan kita hadir di rumah beliau untuk sama-sama kita berkongsi wacana berhubung dengan topik pembangunan. Maka ini saya mengharapkan agar kita mengerti makna perkataan 'islah' yang berkemungkinan menjadi satu dimensi baru dalam memantapkan dan memartabatkan lagi proses pembangunan.

Saya bagi pihak INMIND mengucapkan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Sekian, assalamu'alaikum warahmatullah.

JAWAPAN RINGKAS PADA KOMENTAR PESERTA⁷

Jawapan kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Firdaus Abdullah:

Profesor Firdaus membangkitkan beberapa isu yang cukup penting, salah satu daripadanya ialah masalah identiti Melayu yang ditonjolkan media massa terutama media elektronik. Dari pengamatan saya, isu identiti ini bukan harus dilihat hanya dari sudut penggunaan bahasa Melayu yang tidak sempurna, yang banyak bercampur dengan bahasa Inggeris yang tidak begitu betul. Masalah identiti ini berpunca pada dasarnya dari kekeliruan nilai yang memang banyak kelihatan, secara langsung dan tidak langsung, dalam media massa kita.

Memang penggunaan bahasa Melayu yang baik dan indah, bukan bahasa pasar atau bahasa SMS (*short messaging services*) harus diperbanyakkan, khasnya dalam rancangan-rancangan televisyen popular. Tetapi lebih mengkusarkan, terdapat banyak rancangan dan adegan-adegan dalam rancangan (terutama televisyen), walaupun bahasa Melayu yang digunakan itu cukup baik, tetapi perilaku yang dipaparkan dan nilai-nilai yang disemai bersalahan dengan perilaku dan nilai-nilai Islam.

Masalah identiti memang berkait rapat dengan nilai yang pokok dan utama. Media massa mementingkan kestabilan dan kesinambungan politik dan peningkatan keuntungan; kedua-duanya mencorak identiti dan kualiti bangsa kita sehingga kini, sama ada dari segi agama, bahasa, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya.

⁷ Jawapan-jawapan ini tidak sempat diberikan secara terperinci dalam sesi perbincangan kerana kesuntukan masa. Namun saya fikir saya perlu memberi sedikit pemantapan jawapan memandangkan persoalan-persoalan penting yang dibangkitkan peserta.

Jawapan kepada Y. Bhg. Datuk Haji Mohd. Nakhaei Hj. Ahmad:

Datuk Nakhaei amat tepat apabila beliau menekankan bahawa segala dasar pembangunan kita harus bertolak dari pandangan alam Islam, sistem akhlak dan perundangannya. Cuma saya ingin mengingatkan, dan ini pasti dipersetujui oleh Datuk Nakhaei, bahawa huraian pandangan alam, sistem akhlak dan perundangan Islam itu haruslah berlandaskan kaedah ilmu golongan terbesar dan paling berpengaruh dalam sejarah Islam selama ini, iaitu Ahlu Sunnah wal Jamaah.

Pegangan mereka ini telah terbukti berjaya membangunkan peradaban dan tamadun yang sekali gus bersifat rohani, akli, madani dan majmuk. Golongan Ahlu Sunnah ini sesungguhnya yang progresif dan sederhana dalam kerangka agama, tanpa sikap apologetik. Kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sejarah Islam tidaklah kerana kelemahan dalam sistem pemikiran Ahlu Sunnah itu tetapi lebih bersifat cabang dan kecilan yang mudah diatasi jika sistem itu difahami dan dijamin dengan baik. Kaedah-kaedah golongan lain seperti kaedah Khawarij, Muktaizilah dan Shi'ah atau Wahabiyah, hanyalah bersifat reaksinari dan masih belum berjaya menunjukkan satu alternatif yang lebih baik dan bertahan lama dalam sejarah umat Islam.

Jawapan kepada Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mohammad Yusoff Hussain:

Profesor Madya Dr. Muhammad Yusuff Hussain menanyakan sama ada apakah benar penekanan harus diberikan kepada pendidikan lepasan menengah sedangkan terdapat hadith popular yang mengatakan bahawa setiap anak itu dilahirkan dalam Islam, hanya ibu bapanya menjadikan mereka itu Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Begitu juga dengan pepatah Melayu terkenal; “jika mahu melentur buluh, biarlah di waktu rebung”.

Jawapan saya ialah bahawa hadith itu lebih bermaksud menegaskan bahawa seseorang bayi itu dilahirkan suci tidak terbeban dengan dosa asal (*original sin*) seperti yang ditanggapi oleh agama Kristian. Hadith ini juga meletakkan tanggungjawab besar ke atas ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka. Sejarah pendidikan Islam jelas menunjukkan bahawa umat Islam mengambil hadith ini bukan sekadar untuk ibu bapa itu mendidik anak-anak mereka dengan cara mereka sendiri, tetapi memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan terbaik sama ada di rumah, di masjid, *kuttab* dan lain-lain. Hadith ini tidak bermaksud bahawa tahap pendidikan terpenting berada di tahap itu, iaitu di peringkat pendidikan prasekolah dan rendah.

Tentang peribahasa “melentur buluh itu”, saya ingin menyatakan bahawa ianya bermaksud bahawa jika kita mahu mengajar perkara-perkara yang berbentuk fizikal seperti tabiat sembahyang, puasa, tingkah laku yang baik dan sebagainya, ianya lebih MUDAH diajar pada waktu kecil. Tetapi ini tidak bermakna bahawa sesuatu yang mudah diajar itu akan mudah difahami makna dan implikasinya serta akan kekal diamalkan.

Ini dapat dibuktikan dengan mudah melalui pengalaman kita seharian di mana begitu ramai mereka yang semasa kecilnya kelihatan melakukan amalan keagamaan, tetapi meninggalkannya setelah dewasa. Ataupun orang dewasa yang kelihatan mengamalkan beberapa ajaran agama tetapi tidak memahami nilai-nilai dalaman amalan itu dan justeru banyak melakukan kesilapan-kesilapan yang besar seperti pecah amanah, rasuah, bersikap melampau, hasad dengki, pengecut, zalim dan lain-lain.

Bahawa pendidikan dewasa amat strategik dan berpengaruh juga dapat dilihat dari sejarah awal Islam sendiri sehinggalah sekarang

ini. Contohnya para sahabat Nabi yang berpengaruh seperti Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman, dan lain-lain, kecuali Saidina Ali ibn Abi Talib, hampir semuanya memeluk Islam setelah dewasa walaupun dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga dan persekitaran jahiliah mutlak.

Jawapan kepada Y. Bhg. Prof. Dr. Azizan Baharudin:

Saya setuju dengan Profesor Azizan Baharudin bahawa memang terdapat kesedaran mendalam tentang kepincangan dasar pembangunan moden di kalangan cendekiawan Barat, dari dahulu lagi, terutama selepas Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua dan pada zaman ini setelah kegagalan globalisasi ke atas kebanyakan masyarakat di negara-negara yang tidak maju sains dan teknologinya.

Saya sendiri seperti ramai cendekiawan lain juga di sebelah Timur mendapat manfaat dari analisa dan kritikan individu dan kumpulan-kumpulan seperti ini di Barat. Tetapi mereka umumnya tidak berupaya memberi jawapan tepat dan menyeluruh sama ada mengenai makna dan peranan unsur-unsur agama, kerohanian dan akhlak sebagai tunjang dan wadah pengislahan sebenar.

Bila mereka menganjurkan agama sebagai satu jalan penyelesaian, contohnya, mereka akan menganjurkan salah satu dari tiga pegangan, atau persyarikatan di antara tiga: Pertama faham yang menganjurkan bahawa semua agama pada dasarnya sama, dan tidak patut satu agama itu menganggap dirinya lebih baik atau sempurna dari agama-agama lain. Kedua faham yang membuat agama sebagai satu pegangan peribadi dan tidak harus dikaitkan dengan hal-ehwal sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Ketiga faham bahawa dasar-dasar agama, akhlak dan syariah harus berubah mengikut suasana dan zaman.

Walaupun Islam menerima hakikat bahawa sesetengah perkara dalam perundangan Islam boleh sentiasa diubahsuai mengikut kebaikan umum, perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah dan akhlak serta dasar-dasar syariah tidak patut berubah. Begitu juga hakikat walaupun Islam menganggap dirinya agama yang paling sempurna tetapi tetap mengizinkan hak agama-agama lain diamalkan oleh penganut masing-masing. Kesempurnaan Islam bermaksud juga bahawa ajaran-ajarannya meliputi aspek-aspek individu, sosial, politik, ekonomi dan seterusnya.

Umat Islam dianjurkan oleh Allah SWT dalam al-Quran untuk "bekerjasama dengan sesiapa sahaja bagi mencapai kebaikan dan taqwa" *"وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى"* dan tidak bekerjasama dalam kejahatan dan permusuhan *"وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ"*. Dari segi prinsip dan amalan dalam sejarah, ternyata bahawa umat Islam telah berjaya memahami hakikat kepelbagaian (pluralisme) dan telah bertindak sewajarnya sama ada mengenai agama, bahasa dan bangsa, ekonomi dan sebagainya.

Jawapan kepada YB Dato' Haji Mohd. Zawawi Haji Salleh:

Terima kasih atas pandangan Dato' itu. Ya, tidak dapat dinafikan bahawa istilah yang diguna adalah penting bagi menyangkan pandangan alam, nilai seseorang dan sesuatu bangsa dan tamadun. Bukan itu sahaja, penggunaan istilah yang salah boleh menimbulkan salah-faham yang mengakibatkan masalah di peringkat pendidikan, nilai dan masyarakat seluruhnya.

Contohnya istilah sekolah atau aliran agama dan sekolah atau aliran akademik yang telah digunakan secara meluas selama beberapa dekad di negara kita. Perbezaan mutlak ini mencerminkan

8. Al-Quran, Surah al-Maa'idah: 2.

9. *Ibid.*

pandangan alam dualistik Kristian yang memisahkan kegiatan agama dari kegiatan keduniaan. Penggunaan istilah-istilah ini membawa faham yang salah bahawa sekolah dan aliran lain (sama ada akademik atau vokasional) berada di luar agama, manakala sekolah dan aliran agama pula tidak akademik, tidak ilmiah dan tidak harus melibatkan pendidikan vokasional atau teknikal.

Contoh-contoh lain melibatkan penggunaan istilah khalwat, idola dan arif. Khalwat pada asalnya digunakan oleh golongan tasauf yang sebenarnya bagi merujuk pada keadaan mereka yang bersendiri, berzikir dan bertafakkur mengingatkan Allah SWT, sedangkan sekarang istilah tersebut digunakan bagi sepasang lelaki dan perempuan yang berdua-duaan tanpa ikatan perkahwinan di tempat sunyi. Satu keadaan amat dianjurkan satu lagi sangat tidak disukai kerana menyalahi nilai dan akhlak agama.

Istilah idola kini banyak digunakan dalam bahasa Melayu bagi penyanyi, pelakon atau ahli sukan yang disukai ramai, sedang asal makna istilah ini merujuk kepada berhala. Dalam kebudayaan Kristian khasnya, pemujaan patung-patung seperti patung Isa, Maryam dan tokoh-tokoh agama mereka tidaklah dianggap salah. Justeru, istilah yang sama digunakan bagi tokoh-tokoh seni dan sukan. Istilah tersebut tidak harus dipopularkan dalam bahasa Melayu dalam erti yang hampir sama.

Istilah arif, khasnya Yang Arif, dikhaskan penggunaannya pada para hakim mahkamah, sedangkan istilah tersebut pada asalnya merujuk kepada mereka yang benar-benar mendalami dan mengamalkan ilmu agama, akhlak dan syariah di peringkat tinggi. Lebih wajar jika para hakim dipanggil Yang Bijaksana.

Seperti yang disebut Dato' Zawawi, kita harus sentiasa tidak lupa akan perkara-perkara asas dan dasar dalam segala aspek pengislahan diri, bangsa dan negara. Ini kerana pada akhirnya kita

semua akan bertemu Allah SWT, akan *dimasalahkan* setimpal dengan niat dan amal perbuatan kita.

Jawapan kepada Y. Bhg. Datuk Johan Jaafar:

Terima kasih di atas sangka baik dan penilaian tinggi yang Datuk berikan itu. Saya setuju bahawa usaha saya ini bukanlah yang terakhir dalam perkara ini walaupun saya fikir dasar-dasar dan kaedahnya sudah memadai. Pada pendapat saya buku saya ini adalah yang pertama membincangkan secara ilmiah dan perbandingan mengenai perkara ini di mana aspek-aspek falsafah, sejarah dan kontemporari dibicarakan. Saya rasa inilah kali pertama dalam perbincangan sebegini di mana makam-makam pengislahan diri rohani manusia diterapkan dalam perbincangan pembangunan masyarakat dan negara.

Saya perlu menulis sebagai seorang cendekiawan Islam dan menunjukan tulisan saya ini kepada pembaca Islam yang berpendidikan tinggi dan yang tidak asing dengan faham-faham dari pemikiran Barat. Ini tanggungjawab pertama saya. Namun saya yakin cendekiawan bukan Islam yang membaca buku ini akan memahami pola pemikiran saya walaupun mereka mungkin tidak setuju dengan beberapa perkara yang dibangkitkan.

Ingin saya tegaskan bahawa penekanan kepada agama, akhlak serta kepada kepentingan bangsa dan umat tidak bermakna kita tidak pragmatis. Malah kerana agama dan akhlak orang-orang Melayulah yang membuatkan masyarakat dan agama lain di Malaysia ini dapat menikmati kejayaan yang besar berbanding jumlah dan sejarah mereka di rantau ini. Ini aspek pragmatis bukan secara teoretis tetapi historis.

Kelemahan-kelemahan orang Melayu dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi adalah lebih bersifat birokratik dan kebudayaan, bukan keagamaan, walaupun terdapat beberapa pegangan dan aspek

kebudayaan hasil dari salah-faham terhadap agama. Perkara-perkara ini tidak begitu sukar diperbaiki jika barisan pimpinan di setiap sektor masyarakat mempunyai kerangka nilai dan akhlak yang serupa dan tidak selalu berubah-ubah.

Pegangan agama dan akhlak yang bijak dan kuat tidak bermakna orang Melayu tidak boleh maju dalam arus globalisasi. Malah sebaliknya; arus globalisasi yang membawa perubahan pantas dan pelbagai nilai dan maklumat yang saling bercanggah akan lebih mengelirukan lagi umat manusia, terutama mereka yang tidak mempunyai kerangka nilai dan akhlak yang tetap-benar. Unsur-unsur inilah yang harus dipertingkatkan terutama di peringkat tinggi, pada mereka yang secara langsung berdepan dengan ombak besar globalisasi. Arus globalisasi juga membawa kejayaan dan kekayaan yang cepat, dan kegagalan yang pantas. Kekacauan nilai akibat dari kekayaan baru yang banyak dan pantas sudah menimbulkan keruntuhan moral dan kerosakan keluarga. Keputusan dan bunuh diri di kalangan mereka yang tiba-tiba kehilangan harta kekayaan akan lebih parah.

Jawapan kepada YAB Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo:

Saya mencadangkan satu istilah baru yang lebih menepati makna pembangunan sebenar yang lebih komprehensif dan sempurna sesuai dengan tuntutan agama kita dan yang tidak akan ditentang oleh mana-mana penganut agama lain di Malaysia. Walaupun memang terdapat perbezaan dasar dan ranting dalam pelbagai agama di dunia termasuk di Malaysia, tetapi tentang makna sebenar pembangunan yang ditayangkan oleh istilah dan faham pengislahan adalah pada dasarnya sama.

Memang pada awalnya penggunaan mana-mana istilah baru seperti pengislahan, perubahan paradigma, globalisasi dan sebagainya boleh menimbulkan beberapa kekeliruan tetapi jika dijelaskan

dengan baik dan digunakan dengan betul oleh pemimpin dan cendekiawan, semua istilah-istilah baru boleh membantu kita mencapai kejayaan sebenar dan bukannya kejayaan sementara yang diselaputi kemungkar dan kerosakan yang tidak disangka dan dirancang.

Saya juga faham kebimbangan Dato' Seri tentang sikap negatif sesetengah umat Islam yang menyalahanggap bahawa Islam lebih suka kepada orang yang hidup susah. Mereka ini kemudiannya menjadi malas kerana dengan kemalasan itu mereka akan hidup susah dan akan disayangi Allah SWT. Pada pendapat saya memang terdapat ajaran Rasulullah SAW yang menggambarkan Baginda menyukai orang-orang miskin. Tetapi orang-orang miskin yang beliau maksudkan bukanlah orang yang malas bekerja atau yang meminta sedekah (atau subsidi di sana-sini). Orang miskin yang Baginda maksudkan itu ialah mereka yang bekerja dengan ikhlas dalam bidang-bidang yang halal namun tidak mendapat rezeki yang banyak, tetapi mereka redha dengan pemberian Allah SWT dan tidak mencuri, merompak atau mengambil hak-hak orang-orang lain.

Saya fikir mereka yang malas berusaha, yang bersikap semberono dan *mediocre* sesungguhnya tidak mengaitkan sikap mereka itu dengan agama langsung. Malah saya fikir tidak ramai orang yang berpegang teguh pada agama akan sengaja memilih kehidupan yang miskin dan susah kerana kononnya kemiskinan dan kesusahan itu lebih tinggi nilai rohaninya.

Mereka yang sengaja malas dan bertabiat *mediocre* dalam apa bidang sekalipun, bagi saya, sebenarnya ingin bersenang-senang. Sebabnya ialah amat mudah dan senang untuk malas-malasan kerana tidak perlu berbuat apa-apa. Amat mudah dan senang untuk membuat sesuatu secara *mediocre* kerana tidak perlu bertungkus-lumus berusaha mencapai kecemerlangan. Kecemerlangan dalam sukan, seni, perniagaan, politik dan keilmuan dan akhlak

memerlukan disiplin yang tinggi, usaha yang berterusan dan pengorbanan yang banyak; semuanya itu susah.

Peribahasa popular kita begitu jelas menyang semangat perjuangan ini yang kini telah dilupakan:

*Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian:
bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.*

*Kalau tidak dipecahkan ruyung,
manakan dapat sagunya.*

Kedua-dua peribahasa ini dan banyak lagi yang seumpamanya, sebenarnya mencerminkan ajaran al-Quran al-Karim: فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا¹⁰ “sesungguhnya kesenangan itu akan menyusuli kesusahan”. Dalam filsafat kehidupan moden pun, semangat ini begitu popular sekali; *no pain no gain*.

Saya amat setuju dengan Dato' Seri mengenai kedudukan positif dan nilai tinggi kekayaan dan harta dalam pandangan Islam dan perkara ini tidak diberikan huraian sebaiknya oleh sebahagian guru-guru agama kita. Memang dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW tidak banyak ajaran yang menganjurkan umatnya untuk mencari kekayaan dan membuat harta, tetapi ini tidak bermakna perkara ini tidak penting.

Sama juga, para Orientalis selalu tersilap bila mereka mengatakan bahawa al-Quran dan nabi Muhammad tidak mengutamakan kaedah syura dalam kehidupan sosial kerana al-Quran hanya menyebut syura dua kali sahaja وَأَشَاوَرَهُمْ فِي الْأُمْرِ¹¹ “bersyuralah wahai Muhammad dengan mereka mengenai perkara-perkara tertentu”; dan وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ¹² “Mereka bermesyuarat mengenai hal-ehwal mereka”. Al-Quran tidak perlu menyebut perkara ini begitu banyak kerana tabiat

10 Al-Quran, al-Insyirah: 5.

11 Al-Quran, Ali-Imran: 159.

12 Al-Quran, asy-Syura: 38.

bermesyuarat itu tidak asing bagi orang-orang Arab. Mereka telah melakukan syura hampir dalam setiap perkara semenjak zaman jahiliah lagi.

Malah sikap untuk mengumpul harta dan mencari kekayaan adalah salah satu sifat semulajadi manusia, seperti sifat mahu berkahwin dan sebagainya. Namun begitu kepentingan mencari harta dan kekayaan sebenarnya mendarah-daging dalam ajaran Islam dan yang mendasari sebahagian besar agama kita ini.

Contohnya: kewajipan zakat harta dan fitrah dan haji tidak akan dapat ditunaikan tanpa harta yang mencukupi. Begitu juga dengan tuntutan membantu fakir dan miskin. Menuntut pelbagai jenis ilmu dan berjihad terutama berperang di jalan Allah SWT di zaman moden ini memerlukan kekayaan yang tidak sedikit. Terdapat sejumlah para sahabat yang miskin seperti Ashab al-Suffah yang hidup di masjid berdekatan dengan kediaman Rasulullah SAW di Madinah; tetapi kebanyakan sahabat yang ternama dan terbesar sumbangan mereka seperti Abu Bakar, Umar al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib dan lain-lain mempunyai harta yang tidak sedikit yang membolehkan mereka menyumbangkan banyak harta mereka untuk berjihad dan membebaskan hamba abdi.

Selain itu, di zaman pemerintahan Islam dahulu, sama ada di zaman Umayyah, Abbasiyah sehinggalah di zaman Mughal di India dan Uthmaniyyah di Turki, Kerajaan Islam tidak memainkan peranan mutlak dalam pembangunan infrastruktur awam; banyak sekali infrastruktur awam seperti masjid, madrasah, *kuttab*, perpustakaan, talian air, perigi, hospital, taman-taman dan sebagainya dibiayai dan dibina oleh individu melalui waqaf. Ini tentu menghendaki harta dan kekayaan yang bukan sedikit. Sama penting juga sikap sebegini dilahirkan dari pandangan hidup dan dasar pembangunan yang bertunjangan agama seperti yang disebutkan oleh Datuk Nakhæi tadi.

Terima Kasih.

Lampiran

SENARAI KEHADIRAN PESERTA WACANA

YAB Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo

Dato' Menteri Besar Selangor

Y. Bhg. Dato' Dr. Zambry Abd. Kadir (Pengerusi Wacana)

Ketua Eksekutif, Institut Perkembangan Minda (INMIND)

Y. Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud (Pembentang)

Profesor, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC)

YB Dato' Wira Abdul Aziz Mohd Yusof

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Dato' Haji Mohd. Zawawi Haji Salleh

Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd Adzib Mohd Isa

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

YB Dato' Salamon Selamat

Datuk Bandar Shah Alam, ADUN Batu Tiga

YB. Datin Paduka Hajah Seripah Noli Syed Hussin

Ketua Wanita UMNO Selangor, Ahli Parlimen Subang

YB Tuan Ahmad Nawawi Dato' Mohd Zin

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Selangor, ADUN Sungai Renggam

Y. Bhg. Dr. Karim Mansor

Setiausaha Politik Kepada YAB Dato' Menteri Besar

Y. Bhg. Datuk Haji Mohd. Nakhaei Hj. Ahmad

Yang Dipertua, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Firdaus Abdullah

Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Universiti Malaya (UM)

Y. Bhg. Datuk Johan Jaafar

Pengarah Eksekutif Maximseri Sdn. Bhd.

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz Ibrahim

Naib Censalor Universiti Industri Selangor (UNISEL)

Y. Bhg. Tuan Haji Mohd. Adanan Isman

Presiden, Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR)

Y. Bhg. Dr. Mohd. Sood Mohammad

Naib Presiden, Akademik dan Hal Ehwal Pelajar

Kolej INPENS Yayasan Selangor (KIYS)

Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mohammad Yusoff Hussain

Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Y. Bhg. Prof. Dr. Hashim Haji Musa

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM)

Y. Bhg. Prof. Dr. Azizan Baharudin

Pengarah, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (UM)

Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Zainiy Uthman

Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC)

Y. Bhg. Dato' Noor Azman Mohd. Nordin
Pengerusi Eksekutif, Kumpulan Lebar Daun

Y. Bhg. Prof. Barjoyai Bardai
Perdana Technology Ventures Sdn. Bhd.

Y. Bhg. Dr. Azman Firdaus Shafii
Aldrich Group, Konsultan IT

Y. Bhg. Cik Nora Azmin Radzuan
Ketua Puteri UMNO Selangor

Encik Mazri Mohamad
Pegawai Khas Kepada YAB Dato' Menteri Besar

Encik Mohamad Khairudin Mohamad
Pengurus Besar INMIND

Encik Mohd Yusof Din
Pengurus Jabatan Latihan INMIND

Encik Ahmad Syahir Sarani
Pengurus Jabatan Penerbitan dan Pengurusan Maklumat INMIND

Encik Shaiful Hazizy Zainol Abidin
Pegawai Pejabat Ketua Eksekutif INMIND

Encik Mohd. Nizam Shaari
Pegawai Jabatan Penerbitan dan Pengurusan Maklumat INMIND

Biodata Penulis



Profesor Wan Mohd Nor Wan Daud dilahirkan pada 1955. Beliau merupakan ahli perintis ISTAC yang telah menyertai institut ini seawal penubuhannya pada tahun 1988. Beliau menerima B.Sc. (Biology) dan M.Sc.Ed. (Curriculum and Instruction) dari Universiti Northern Illinois dan mendapat Ph.D. (Near Eastern Language and Civilization) pada tahun 1988 dari University of Chicago di bawah pengawasan Allahyarham Prof. Fazlur Rahman. Sebelum menyertai ISTAC, Profesor Wan pernah mengajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan pernah bertugas di Jabatan Perancangan Pendidikan dan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Beliau adalah bekas Timbalan Pengarah dan kini profesor di ISTAC. Beliau telah diberi kepercayaan di dalam mengurus bahagian akademik dan hal ehwal pelajar. Beliau juga bertanggungjawab dalam menguruskan pelbagai kursus dan seminar di ISTAC seperti Saturday Night Seminars dan seminar-seminar intensif jangka pendek di pelbagai badan kerajaan dan institusi-institusi swasta.

Beliau bekerja rapat dengan Pengasas-Pengarah ISTAC iaitu Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam sebarang tugas harian dan ilmiah ISTAC. Walaupun beliau mempunyai jadual harian yang ketat, namun beliau masih mampu mengajar dan mengambil berat tentang hal ehwal kebajikan pelajar ISTAC dan kakitangan lain.

*Beliau adalah editor penasihat utama bagi jurnal dwi tahunan ISTAC, al-Shajarah serta penasihat pelbagai organisasi akademik dan profesional. Antara buku-buku yang telah ditulis oleh beliau ialah *The Concept of Knowledge in Islam: Implication for Education in a Developing Country* (1989); *The Beacon on the Crest of A Hill* (1991); *Penjelasan Budaya Ilmu (An Exposition of Knowledge Culture)* (1991); and *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization* (1998). Karya terbaru beliau ialah *Pembangunan di Malaysia, Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna* (2001). Hasil penulisan beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia, Indonesia, Bosnia, Turki dan Jepun. Beliau banyak terlibat dalam program ilmiah sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.*

ISBN 983-9184-62-8



9 789839 184624